Pelita BRUNEI
ڤليتا بروني
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat


ڤتيقن تيته

**PETIKAN TITAH**

"ADAPUN manfa'at 'pangkat takwa' itu bukan sahaja terbatas kepada penyandangnya, malahan juga meliputi kepada negara atau tanah air, sebagaimana mafhum dari ayat 96, Surah Al-A'raf, antara lain : "Dan sekiranya penduduk sebuah negeri itu beriman dan bertakwa, nescaya Kami (Allah) akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi..."
- Titah Sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Tahun 1433 Hijrah / 2012 Masihi.

مانيسڽ ايمان

**MANISNYA IMAN**

"SESUNGGUHNYA telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri, iaitu Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang menjadi sangat mengambil berat terhadap kesusahan-kesusahan yang kamu tanggung, yang menginginkan kebaikan kepada kamu, sangat belas kasihan lagi pengasih terhadap orang-orang yang beriman."
- (Surah At-Taubah, ayat 128).

**Waktu Sembahyang**

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4.45 | 4.55 | 6.19 | 6.43 | 12.15 | 3.37 | 6.09 | 7.24 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit


TAHUN 61 / BILANGAN 149 | 12 DISEMBER 2016 / 1438 12 ربيع الأول | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA


# Untuk selamat kuatkan akidah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1438H berlangsung di Istana Nurul Iman (*Lihat muka 3*).

**Oleh : Abdullah Asgar, Nooratini Haji Abas**
**Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 11 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah di zaman yang serba rosak ini, banyak anasir yang suka memprovok Islam dan umat Islam, supaya Islam dan umatnya lemah.

Titah baginda, provokasi itu pula pelbagai bentuknya, bukan satu dua, tetapi banyak.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, di Istana Nurul Iman.

Pada ketika ini titah baginda, kita mendengar laporan-laporan mengenai tindakan-tindakan yang diambil ke atas orang-orang Islam yang menjadi penduduk minoriti kepada negara tersebut.

"Beta berharap pihak-pihak yang berkenaan akan mencari resolusi aman bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan bagi semua penduduk.

"Atas nama Islam ugama rahmat dan atas nama kemanusiaan serta semangat *solidarity* serantau, maka kita berharap isu itu akan segera ditangani dengan seadil-adilnya," titah baginda.

"Pada hemat beta, untuk umat Islam ini selamat, mereka mestilah menguatkan akidah, iaitu ajaran yang dibawa oleh Nabi kita, Sayyidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam," titah baginda.

Umat Islam di zaman keemasan dahulu, titah baginda, lebih mengutamakan akidah daripada yang lain-lain. Kerana itulah mereka selamat dan bahkan kuat, digeruni oleh kawan dan lawan.

"Maka bersukut dengan Maulid Ar-Rasul yang sedang kita sambut kini, beta berseru, terutama kepada pihak-pihak berkenaan yang sedia dibebankan dengan tanggungjawab dakwah, supaya mengambil pendekatan lebih bersungguh-sungguh ke arah memperkukuh dan memperkasa akidah," titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, kita tidak boleh menunggu lama-lama, kerana jika kita lambat, anasir akan mengambil kesempatan daripada kelambatan kita itu.

## Berkenan hantar perutusan takziah kepada Republik Turki dan Republik Arab Mesir

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 11 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Turki, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan berikutan dengan serangan bom di Istanbul baru-baru ini.

Dalam titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Presiden Republik Turki, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan, baginda berasa sedih mengetahui tentang serangan berkenaan yang mengakibatkan kehilangan nyawa.

Negara Brunei Darussalam berdiri teguh bersama-sama dengan rakyat Republik Turki dalam menghadapi keadaan yang menyedihkan itu dan seterusnya mengutuk tindakan pengganasan tersebut.

Dalam mengakhiri titah perutusan takziah berkenaan, baginda menyampaikan ucapan simpati yang amat mendalam kepada Presiden Republik Turki, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan dan rakyat Republik Turki, terutama sekali kepada ahli keluarga yang terlibat dalam kejadian itu tersebut.

Sementara itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Abdel Fattah Al-Sisi berikutan dengan serangan bom di St. Mark's Coptic Orthodox Cathedral, Kaherah baru-baru ini.

Dalam titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Presiden Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Abdel Fattah Al-Sisi, baginda berasa sedih mengetahui tentang serangan berkenaan yang mengakibatkan kehilangan nyawa.

Dalam mengakhiri titah perutusan takziah berkenaan, baginda berserta kerajaan dan rakyat Negara Brunei Darussalam menyampaikan ucapan takziah dan simpati yang amat mendalam kepada Presiden Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Abdel Fattah Al-Sisi, kerajaan dan rakyat Arab Mesir, terutama sekali kepada ahli keluarga yang terlibat dalam kejadian tersebut.






**Muka 4**
Kementerian Pertahanan adakan Majlis Penutup Dikir

**Muka 6**
Projek Fasa Ke-2 Prasarana PKBN dianggarkan bernilai BND2.8 juta



IKUTI KAMI DI
infodept.bn @Infodept_bn Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri

# Lahirkan penulis-penulis muda sebagai pelapis

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

DI kesempatan awal dan istimewa ini, peramba / kaola / saya menyampaikan ucapan berbanyak terima kasih kepada Yang Mulia Pengerusi Bersama Majlis kerana memberikan saya kesempatan untuk bersama abiskita Sasterawan dan Sasterawani (Asterawani) negara di Majlis Perasmian Pertemuan Sasterawan Brunei kali Ke-6, pagi ini.

Alhamdulillah, kita selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wata'ala, atas kurnia nikmat yang banyak dari-Nya yang telah dapat kita nikmati selama ini, iaitu melalui kepimpinan bijaksana dan berwawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'AIi Saiffuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ini serasi dengan tema yang dipilih oleh Asterawani mengenai pertemuan sasterawan Brunei kali ini, iaitu 'Semarak Sastera Era Kebawah Duli' yang mana dalam konteks ini, sesungguhnya pihak kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga sentiasa menggalakkan para sasterawan dan budayawan di negara ini untuk terus bergiat dalam bidang penulisan sama ada sastera kreatif atau *non* kreatif, asalkan hasil karya tersebut sesuai dengan siasah keharmonian kehidupan rakyat dan negara yang sama-sama kita kasihi ini.

Sehubungan dengan itu, sekali lagi ucapan setinggi penghargaan kepada Asterawani kerana mengundang peramba / kaola / saya ke majlis ini, dan kesempatan menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan Pertemuan Sasterawan Brunei kali Ke-6, yang diselajurkan melancarkan dua buah Antologi Puisi terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Sesungguhnya di atas baik budinya dan ingatan Asterawani itu.

**Di waktu pagi meminum selasih**
**Khasiat meminumnya tersangat banyak**
**Undangan ucapkan terima kasih**
**Hendak ditolak memang tidaklah layak**

Peramba / kaola / saya amat berbangga, bergembira dan bersyukur kerana Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai sebuah jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, iaitu sesuai dengan fungsi dan tujuan penubuhannya, untuk mendaulatkan bahasa dan kesusteraan melayu telah dapat menjalinkan kerjasama dengan persatuan-persatuan sukarela seperti Asterawani. Kerjasama erat Dewan Bahasa dan Pustaka dan Asterawani difahamkan sudah terjalin sekian lama, malah dari segi usia pun tidak jauh perbezaannya. Kerjasama yang berterusan itu dapat kita lihat hingga ke saat ini, iaitu berkerjasama dalam menganjurkan pertemuan Sasterawan Brunei Ke-6 ini.

**Yang korek tu kendi**
**Yang merah itu saga**
**Yang baik itu budi**
**Yang indah itu bahasa**



**MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof pada Majlis Perasmian Pertemuan Sasterawan Brunei pada 29 Safar 1438 / 29 November 2016 bertempat di Balai Sarmayuda Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.**

Sebagaimana yang peramba / kaola / saya dimaklumkan, Asterawani kini sudah berusia lebih setengah abad, ahli-ahlinya yang juga terdiri daripada penulis-penulis dan pencinta sastera setentunya juga sudah berusia matang, berpengalaman berpendedahan dan pengetahuan atau jadi *orang lama*.

Sehubungan dengannya, peramba / kaola / saya berseru kepada Asterawani untuk terus mendampingi dan melahirkan penulis-penulis muda supaya mereka akan dapat melibatkan diri dan menyedari peranan mereka sebagai pelapis dalam persatuan ini kerana kita sedia maklum, bahawa perkembangan kesusasteraan dan bahasa khususnya, akan dapat membantu masyarakat kita dalam membentuk dan menghargai jati diri sebagai orang Brunei yang sebenarnya, yang tidak akan malu mengaku bahawa kitani adalah Orang Brunei.

Kehilangan abiskita *orang lama* orang berjasa nanti selain sangat dirasakan akan mengakibatkan jurang kesinambungan peranan yang penting ini.

Pada hemah peramba / kaola / saya hasil penulisan penulis-penulis di negara ini dapat dan sudah tiba masanya untuk disebarkan ke seluruh pelusuk dunia, iaitu dengan cara menterjemahkan hasil karya tersebut kedalam bahasa asing seperti Bahasa Inggeris, Perancis, Arab, China dan lain-lain bahasa. Usaha ini memanglah bukan suatu perkara yang mudah kerana ia memerlukan kepakaran dalam bahasa-bahasa tersebut, namun ia dapat dilaksanakan secara bersistematik atau berperingkat-peringkat, dengannya akan meriah dan berkembanglah bahasa dan kesusasteraan kita.

Kita gembira hasil nukilan pena Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan (Adi Rumi) koleksi puisi dari 'Jendela Dunia' sebagai contoh telah pun dapat diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris, iaitu '*Window on the World*'.

Sebagai langkah permulaan, peramba / kaola / saya cadangkan buku-buku yang ditulis oleh penerima-penerima anugerah penulis Asia Tenggara (S.E.A. Write Award) diberikan keutamaan untuk diterjemahkan. Untuk merealisasikan hasrat ini, kerjasama daripada semua pihak yang berkepentingan dalam memperjuangkan bidang kesusasteraan dan bahasa ini adalah amat diharapkan dan dialu-alukan.

**Arap-arap kelapa puan**
**Kelapa puan tepi perigi**
**Saya berharap kepada tuan**
**Tidak biskita, siapa lagi**

Kita sedia maklum, golongan sasterawan adalah golongan penting dalam masyarakat. Melalui tulisan mereka diketemukan pelbagai pemikiran, pandangan, kritikan, idea dan ilmu baharu dalam sama-sama membangun negara kita yang tercinta ini. Para sasterawan memerlukan satu kawasan bagi berkumpul untuk berkongsi pengalaman dan melihat bersama perkembangan sastera tanah air. Justeru itu, hubungan kerjasama di antara penulis adalah amat perlu terutama dalam sama-sama mengendalikan sebuah bahtera perjalanan kehidupan khususnya bersatu dalam sebuah kesatuan penulisan.

Mengakhiri ucapan peramba / kaola / saya ini, sekali lagi peramba / kaola / saya mengucapkan terima kasih kepada Asterawani Brunei kerana sudi menjemput peramba / kaola / saya hadir ke majlis yang bermakna dan penuh warna-warni ini.

**Di sana padi, di sini padi**
**Dalam sawah ikan berenang riang**
**Di sana budi, di sini budi**
**Sama-samalah kita mengenang sayang**

Dengan bertawakal ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, dan dengan membaca kalimah agong Bismillahir Rahmanir Rahim serta Berselawat ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, peramba / kaola / saya sukacita merasmikan Pertemuan Sasterawan Brunei Ke-6, Tahun 2016, anjuran Asterawani Brunei dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka, dan didukung oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ini dan seterusnya melancarkan Antologi Puisi Asterawani sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 Tahun bertajuk 'Sembah Daulat Sejambak Kasih 70 Tahun' dan Antologi Puisi bertajuk 'Kunang-Kunang' karya Mahmudamit kedua-duanya terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Didoakan Semoga pertemuan Sasterawan Brunei kali ini akan berlangsung dengan semangat ukhwah, suasana harmoni dan perpaduan dengannya abiskita semua khususnya akan mendapat kerahmatan dan keredhaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua, Amin ya Rabbal Alamin.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## Dari Sidang Pengarang.

12 DISEMBER 2016 BERSAMAAN 1438 ربيع الأول 12

### KUKUHKAN, PERKASAKAN AKIDAH

**ALHAMDULILLAH,** dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, kita diberi kesempatan dan dipanjangkan umur untuk sama-sama menyambut Maulid Ar-Rasul Sallallahu 'Alaihi Wasallam,mengenang dan meraikan hari kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Baginda adalah lampu yang terang benderang dan rahmat bagi seluruh alam, diutus untuk menjadi suluh dan rahmat bagi alam semesta, diutus kepada manusia untuk mengajar manusia akan hukum-hukum yang telah ditetapkan Allah Subhanahu Wata'ala ke atas mereka dan ajaran Baginda inilah dinamakan sunnah atau perjalanan Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Sunnah Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam merangkumi perkara akidah, akhlak dan syariat (hukum, meliputi semua perkara dalam kehidupan terutamanya memerintahkan manusia untuk taat kepada Allah, Tuhan semesta alam dan beribadat kepada-Nya, menyuruh manusia berakhlak mulia, menyuruh anak-anak untuk berbuat baik kepada ibu bapa, memerintahkan umat Islam untuk menuntut ilmu bagi menambah keimanan, memandu dalam perkara muamalah dan seumpamanya).

Selain wajib mentaati sunnah Baginda, umat Islam juga diwajibkan supaya mentaati Rasulullulah Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Seperti dalam firman-Nya, Surah an-Nisaa' : 80 : Tafsirnya : "Sesiapa yang taat kepada Rasulullah, maka sesungguhnya dia taat kepada Allah."

Berkata mengenai akidah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah perutusan baginda sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam pada Ahad, 11 Disember 2016 Hijrah bersamaan 12 Rabiulawal 1438 Masihi, terdahulu baginda bertitah pada ketika ini, kita mendengar laporan-laporan mengenai tindakan-tindakan yang di ambil ke atas orang-orang Islam yang menjadi penduduk minoriti kepada negara tersebut. Baginda berharap pihak-pihak yang berkenaan akan mencari resolusi aman bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan bagi semua penduduk. Atas nama Islam ugama rahmat dan atas nama kemanusiaan serta semangat 'solidarity' serantau, maka kita berharap isu ini akan segera ditangani dengan seadil-adilnya.

"Pada hemat beta, untuk umat Islam ini selamat, mereka mestilah menguatkan akidah, iaitu ajaran yang dibawa oleh Nabi kita, Sayyidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam."

Baginda seterusnya bertitah, umat Islam di zaman keemasan dahulu lebih mengutamakan akidah daripada yang lain-lain. Kerana itulah mereka selamat dan bahkan kuat, digeruni oleh kawan dan lawan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berseru terutama kepada pihak-pihak berkenaan yang sedia dibebankan dengan tanggungjawab dakwah, supaya mengambil pendekatan lebih bersungguh-sungguh ke arah memperkukuh dan memperkasa akidah. Perkara ini tidak boleh dilambatkan kerana anasir akan mengambil kesempatan daripada kelambatan itu nanti.

Maka kita selaku umat Islam adalah dituntut untuk mengikut Sunnah Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dalam segenap perkara dalam kehidupan kerana sunnah Baginda merangkumi bimbingan ke arah membina akhlak mulia yang menjadi tuntutan dalam Islam.

Justeru kita mesti menjadikan Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam sebagai contoh terbaik untuk berjaya di dunia dan akhirat kerana Baginda adalah contoh ketaatan kepada suruhan dan larangan Al-Quran. Perkara ini disebut dengan jelas dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala :

Tafsirnya : "Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu iaitu bagi orang yang mengharapkan (keredaan) Allah dan (kebahagiaan) hari akhirat serta banyak berzikir mengingat Allah." (Surah al-Ahzab : 21).

Marilah kita sama-sama menggunakan peluang yang diberikan ini untuk memperbaiki diri sendiri dengan mengamalkan dan mengaplikasikan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam agar kita dapat menjalani kehidupan di dunia ini selaras dengan tujuan kita diciptakan Allah Subhanahu Wata'ala. **- Ketua Penyuntingan (Ss).**

Ramalan Cuaca 3 Hari

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| BANDAR SERI BEGAWAN | 33°C 25°C | 33°C 26°C | 33°C 26°C |
| MUARA | 33°C 25°C | 33°C 26°C | 33°C 26°C |
| PEKAN BANGAR | 32°C 25°C | 33°C 25°C | 33°C 25°C |
| PEKAN TUTONG | 33°C 25°C | 33°C 25°C | 33°C 25°C |
| PEKAN SERIA | 33°C 26°C | 32°C 25°C | 33°C 25°C |
| KUALA BELAIT | 33°C 26°C | 32°C 25°C | 33°C 25°C |

Talian Cuaca 114

## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi DISEMBER | HARI | Hijrah RABIULAWAL | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 12 | ISNIN | 12 | 4.45 | 4.55 | 6.19 | 6.43 | 12.15 | 3.37 | 6.09 | 7.24 |
| 13 | SELASA | 13 | 4.46 | 4.56 | 6.19 | 6.43 | 12.15 | 3.37 | 6.10 | 7.24 |
| 14 | RABU | 14 | 4.46 | 4.56 | 6.20 | 6.44 | 12.16 | 3.38 | 6.10 | 7.25 |
| 15 | KHAMIS | 15 | 4.47 | 4.57 | 6.20 | 6.44 | 12.16 | 3.38 | 6.11 | 7.25 |
| 16 | JUMAAT | 16 | 4.47 | 4.57 | 6.21 | 6.45 | 12.17 | 3.39 | 6.11 | 7.26 |
| 17 | SABTU | 17 | 4.48 | 4.58 | 6.21 | 6.45 | 12.17 | 3.39 | 6.12 | 7.26 |
| 18 | AHAD | 18 | 4.48 | 4.58 | 6.22 | 6.46 | 12.18 | 3.40 | 6.12 | 7.27 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN

| AMBULANS | POLIS | BOMBA | PENYELAMAT | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam | NDMC |
|---|---|---|---|---|---|
| 991 | 993 | 995 | 998 | 123 | 2380214 |

# Nabi Muhammad memberi syafa'at kepada umat Islam

Oleh : Abdullah Asgar, Nooratini Haji Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 11 Disember. - Tidak diragukan lagi, Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam adalah benar-benar kekasih Allah, dengan Baginda itu dikurniakan banyak kelebihan dan keistimewaan yang tidak pernah diberikan kepada orang lain.

Di antara kelebihan dan keistimewaan tersebut, terdapat dalam lafaz 'syahadah', di mana nama Baginda telah disebut beriringan selepas nama Allah sendiri : '*Asyhadu An Laa Ilaha Illallah, Wa Asyhadu Anna Muhammadar Rasulullah*'.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, di Istana Nurul Iman.

Selain daripada itu titah baginda, Allah dan para malaikat-Nya juga adalah berselawat ke atas Baginda, sebagaimana disebut oleh Al-Quran, Surah Al-Ahzab, ayat 56.

"Kemudian, yang sangat-sangat kita hajati, Baginda itu juga pada hari akhirat kelak, akan diizinkan oleh Allah, untuk memberi syafa'at kepada kita umat Islam. Syafa'at ertinya ialah pertolongan Nabi untuk meringan atau melepaskan kita daripada kesusahan," titah baginda.

Walaupun Baginda sudah tiada, namun hubungan intim dengan Baginda itu tetap saja wujud.

"Ini berlaku, ketika kita melakukan azan atau mendirikan sembahyang atau berselawat ke atas Baginda di luar sembahyang. Semua ini membawa makna, bahawa hubungan kita dengan Baginda itu adalah tidak putus," titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, itulah untungnya kita orang Islam, di setiap ketika dapat mengaut pahala, hanya dengan menyebut-nyebut nama Baginda sahaja.

Sekali berselawat ke atas Baginda, Allah akan membalas selawat kita itu dengan sepuluh selawat.

Maka titah baginda, memang wajarlah bagi kita memperingati Maulid Ar-Rasul itu sebagai tanda kasih kita kepada Baginda dan sambil itu kita juga dapat memperbaharui azam untuk lebih kuat lagi berpegang kepada Islam yang telah dibawa oleh Baginda.

Terdahulu baginda bertitah, agar umat Islam di negara ini bersyukur, kerana dapat lagi menyambut Maulid Ar-Rasul Sallallahu 'Alaihi Wasallam, iaitu suatu detik bersejarah untuk dunia dan manusia.

Al-Quran sendiri telah memberitahu, titah baginda, siapa dia Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam itu.

Baginda adalah lampu yang terang benderang dan rahmat bagi seluruh alam.

Baginda bertitah, apakah yang lebih bermakna dari lampu untuk menerangi keadaan gelap gelita dan rahmat untuk mengeluarkan manusia dari azab sengsara?

"Andainya tanpa Baginda, dunia ini memang akan terus gelap. Sementara rahmat pula akan tetap jauh daripada kita," titah baginda.

Tetapi Allah Maha Pengasih lagi Maha Pemurah, titah baginda, diutus-Nya Nabi dan Rasul terakhir, Sayyidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam untuk menjadi suluh dan rahmat bagi alam semesta.

# JPM semarakkan Dikir Maulud

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 11 Disember. - Laungan bacaan dikir bagi memperingati kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam terus bergema di semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara malam ini.

Sehubungan itu, rombongan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya meneruskan lagi Majlis Dikir 12 Malam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1438 Hijriah / 2016 Masihi bertempat di Masjid Ash-Shaliheen, di sini.

Hadir pada majlis dikir tersebut ialah menteri di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Turut hadir, Pemangku Menteri Tenaga dan Perindustrian di JPM, Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar; Setiausaha-Setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan; pegawai-pegawai serta kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diikuti dengan dikir beramai-ramai dan bacaan dikir tersebut disambung semula setelah menunaikan Sembahyang Fardu Isyak.

Kegiatan keagamaan ini adalah untuk menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun ini, di samping bagi mengenang jasa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam memperjuangkan syiar Islam sekali gus menyuntik rasa kecintaan kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



**MENTERI di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim (tiga, kanan) semasa hadir pada Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1438H / 2016M yang berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen.**

# KHEU tutup Dikir Maulud 12 Malam

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 11 Disember. - Laungan Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam terus bergema dan menyemarakkan masjid, surau dan balai ibadat di negara ini.

Majlis Penutup Dikir sempena Memperingati Sambutan Hari Keputeraan Junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara termasuk oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Mengambil bahagian bagi sama-sama menyemarakkan Dikir Maulud ialah kumpulan dikir dari rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang membawakan dikir 'Assalamualaika'.

Diikuti dengan gabungan Pasukan Dikir Al Mukmin dari Kampung Perpindahan Lambak Kanan, Pasukan Dikir Zaidana dan Pasukan Dikir Al-Mu'tashimun Billah yang membawakan dikir 'Khairuman Udana Laila'.

Dikir bertajuk 'Bisyahrin Pawang' pula dibawakan oleh gabungan Pasukan Dikir Perangkap dan Pasukan Dikir Belimbing, Subok.

Manakala gabungan dari Pejabat Masjid Daerah Brunei dan Muara, Pasukan Dikir Teratak Sumor, Kampung Bunut dan rombongan dari Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei pula membawakan dikir 'Alham Allah'.

Sementara itu rombongan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong pula membawa dikir 'Badat Air Pasang' dan 'Asyraqal'.

Pada akhir majlis, Doa Dikir dibacakan oleh Mudim Haji Suhaili bin Haji Kalong, manakala Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat.

Majlis Dikir Maulud yang dilangsungkan 12 malam berturut-turut di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat di negara ini adalah bagi menanamkan rasa kasih dan menunjukkan kecintaan umat Islam kepada Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, selain memupuk kesedaran dan keinsafan umat Islam dalam mengenang jasa serta pengorbanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan agama Islam.

Amalan dan majlis seumpama ini penting dalam pembentukan jati diri individu muslim kerana ia mengajak umat Islam agar sentiasa berselawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, yang mana ganjaran dan syafaat bagi orang-orang yang berselawat itu adalah sangat istimewa, sebagaimana dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu, bahawa sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, Sesiapa mengucapkan selawat kepadaku, Allah Subhanahu Wata'ala berselawat (memberi rahmat) kepadanya sepuluh kali.



**MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman (depan, tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.**



**MAJLIS Penutup Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama.**

# KSSUP adakan Majlis Dikir

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali Bin Apong (tiga, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Dikir Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam 1438 Hijrah bersamaan 2016 Masihi di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 11 Disember. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta jabatan-jabatan di bawahnya malam ini mengadakan Majlis Dikir Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1438 Hijriah bersamaan 2016 Masihi di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dalam majlis berkenaan ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali; ketua-ketua jabatan; pegawai-pegawai dan kakitangan KSSUP serta ahli-ahli kumpulan dikir dan jemaah masjid berkenaan.

Majlis terlebih dahulu dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh imam masjid berkenaan, Awang Haji Sadullah bin Haji Salleh.

Sejurus selepas itu, majlis diteruskan dengan bacaan Dikir Syarafil Anam oleh pegawai-pegawai dan kakitangan KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Kemudiannya bacaan Doa Dikir dibacakan oleh imam masjid berkenaan, Awang Haji Sadullah, manakala 'Doa Allah Peliharakan Sultan' dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Syamsul Nizam bin Haji Badar.

Penyertaan rombongan KSSUP ke masjid-masjid utama bagi menghadiri Majlis Berdikir Sempena Sambutan Maulud Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah diselaraskan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan.

Majlis yang diadakan merupakan antara aktiviti KSSUP bagi tahun ini dalam sama-sama menyemarakkan dan memperingati hari keputeraan junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

# Kementerian Pertahanan adakan Majlis Penutup Dikir

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BOLKIAH GARISON**, Ahad, 11 Disember. - Hukum berselawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah wajib sebab selawat itu ada terkandung dalam salah satu perkara dalam Rukun Sembahyang dalam 13 perkara.

Selain itu, kita umat Islam ada sesetengah yang menganggap sambutan itu merupakan suatu tuntutan namun sambutan Maulidur Rasul itu sudah mula diraikan pada abad ke-7, iaitu sekitar tahun 700 hingga 800 Hijriah yang dulu di bawah pemerintahan Raja Muzaffar di salah sebuah wilayah di Iraq.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengarah Pusat Bahasa, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Awang Haji Hambali bin Haji Jaili dalam inti pati ceramah dari tema sambutan Maulidur Rasul kali ini 'Berwawasan yang Berkat dengan Bercontoh kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' pada Majlis Penutup Dikir Maulud di Surau Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, di sini.

Katanya, Rasulullah merupakan contoh terbaik untuk diteladani oleh umat Islam antaranya Baginda berpuasa setiap hari Isnin kerana tanda kesyukuran Baginda kerana diputerakan pada hari berkenaan.

Selain itu tambahnya, contoh peribadi Baginda yang selalu sabar walaupun dimaki, dicaci dan dihina oleh sebahagian mereka yang membencinya.

Majlis keagamaan anjuran Kementerian Pertahanan itu dihadiri oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit.

Turut hadir, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah; Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Kapten (B) Abd. Rahman bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar; Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB); Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan; Pemerintah-Pemerintah Angkatan Tentera; Komandan-Komandan; pengarah-pengarah awam dan tentera; pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan dan ABDB.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit (tiga, kanan) ketika hadir pada Majlis Penutup Dikir Maulud bagi Tahun 1438 Peringkat Kementerian Pertahanan dan Perkhemahan / Garison ABDB di Surau Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison.

Acara tersebut dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diikuti dengan bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran yang kemudiannya disusuli dengan bacaan Dikir Syarafil Annam, Dikir Marhaban dan seterusnya Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah serta bacaan Doa Selamat.

# Perbanyakkan selawat ke atas Nabi Muhammad

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



SEBAHAGIAN daripada mereka yang hadir pada majlis penutup dikir maulud tersebut.

**TUTONG**, Ahad, 11 Disember. - Selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan cara untuk menzahirkan rasa cinta kita kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, selain dapat menghapuskan dosa, ditinggikan darjat dan mendapat syafaat daripada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di hari kiamat kelak.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Aidil Sofian bin Mohammad Yassin, semasa menyampaikan tazkirahnya yang bertajuk 'Kelebihan Selawat dan Memperbanyakkan Selawat' pada Majlis Penutup Dikir 12 Malam Berturut-Turut sempena Memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, bertempat di Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong (MHBPT), di sini.

Tambahnya, orang yang paling dekat dengan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di hari kiamat nanti adalah orang yang selalu berselawat kepada Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Oleh itu, tegas beliau, selagi lidah kita masih boleh mengucapkan selawat dan boleh beribadah dalam keadaan aman serta tenteram dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, kita sebagai umat Muhammad seharusnya merebut peluang ini untuk persiapan kita di akhirat kelak.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain.

Turut hadir ialah ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan dari Jabatan Daerah Tutong, Penghulu, Ketua-ketua Kampung dan penduduk kampung dari Mukim Pekan Tutong.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, MHBPT, Awang Mohd. Fauzi bin Haji Anuar.

Majlis diteruskan dengan bacaan Dikir Assalamualaika, Bisahrin serta Asyraqal beramai-ramai oleh rombongan dikir dan kemudiannya diikuti dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Manakala, Doa Dikir dan Doa Allah Peliharakan Sultan serta Negara Brunei Darussalam pula dibacakan oleh Awang Mohd. Fauzi.

Majlis penutup dikir tersebut dianjurkan oleh Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Maulud Nabi Peringkat Daerah Tutong.

Ia diadakan sebagai salah satu syiar Islam untuk memakmurkan masjid, selain memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Tutong dengan jemaah masjid serta penduduk kampung.

# Kem kekal PKBN mercu tanda Daerah Temburong



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa berucap pada Majlis Pelancaran PKBN Pengambilan Ke-6 yang berlangsung di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Daerah Temburong.

**Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain**

**TEMBURONG**, Sabtu, 10 Disember. - Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) bagi pengambilannya yang ke-6 melakar sejarah apabila merupakan yang terbesar setakat ini dengan seramai 359 belia terdiri daripada 281 lelaki dan 78 perempuan mengikuti latihan, mengatasi pengambilan-pengambilan yang terdahulu.

Ianya adalah satu pencapaian dan petanda baik yang bermakna bagi program ini yang terus menerima sambutan yang menggalak-kan dan berjaya mencapai objektif ia diperkenalkan.

Berucap semasa Majlis Pelancaran PKBN Pengambilan Ke-6 bertempat di Kem Latihan PKBN Kampung Gadong Baru, Mukim Batu Apoi, di sini, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof seterusnya menambah bahawa sejarah juga telah diukir bila mana Kem Latihan PKBN yang baharu dan lengkap serta serba moden mula digunakan oleh Pengambilan Ke-6 ini, iaitu bersukut baik dengan bulan kelahiran Rasul dan Pemimpin Agung Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, iaitu bulan Rabiulawal.

"Selain itu, kem ini juga dengan kedudukan strategiknya di Mukim Batu Apoi turut menjadi mercu tanda baharu di Daerah Temburong. Terbina dan kewujudan Kem Latihan PKBN yang baharu tersergam ini adalah sejajar dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui titah baginda semasa Majlis Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Pertama tahun 2013 yang antara lain baginda bertitah menekankan - "Dalam melaksana program ini, perlulah dipastikan kurikulumnya, infrastruktur, kesesuaian jurulatih dan penyelia serta peralatannya. Semua itu biarlah yang terbaik, sempurna dan terjamin selamat," ujar Yang Berhormat Menteri.

Menurut Yang Berhormat, ia juga membuktikan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerajaan baginda secara terus menerus memberikan keutamaan terhadap latihan pembangunan belia khususnya PKBN ini.

PKBN, jelas Yang Berhormat, telah berjaya mengorak langkah dengan lebih jauh dan meyakinkan dalam mengukuh dan mempertingkatkan imej serta kedudukannya sebagai program strategik nasional yang terunggul dan cemerlang melahirkan belia dan beliawanis yang dinamik dan patriotik dan bertanggungjawab.

Selain menjadi mercu tanda baharu menaikkan profil Daerah Temburong, dalam tempoh jangka masa yang panjang, adalah diyakini kewujudan kem latihan ini akan dapat membantu dalam menjana pelbagai aktiviti perekonomian rakyat dan penduduk daerah ini dan secara tidak langsung akan dapat membantu usaha meningkatkan sosioekonomi masyarakat dan daerah ini, terutama apabila jambatan yang akan menghubungkan Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan Daerah Temburong yang pada masa ini sudah dalam pembinaan, siap sepenuhnya kelak, jelas Yang Berhormat.

Di samping itu, Yang Berhormat melahirkan ucapan tahniah dan syabas kepada 359 pelatih yang akan menjalani latihan selama 100 hari dan juga kepada para ibu bapa dan penjaga amnya.

Yang Berhormat berasa gembira kerana para pelatih telah menyahut seruan dan cabaran untuk melakukan transformasi diri dan memanfaatkan masa muda mereka dengan menyertai program ini sesuai dengan seruan tema Sambutan Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini, iaitu 'Belia Berwawasan Pemangkin Transformasi'.

Jelas Yang Berhormat lagi, latihan-latihan dan pengalaman yang dilalui nanti merupakan satu bentuk penghijrahan diri yang memerlukan kerja keras dan pengorbanan.

Melalui latihan yang padat dan jitu ini tambahnya, InsyaaAllah akan dapat membentuk pelatih-pelatih menjadi belia dan beliawanis dikehendaki negara tercinta, iaitu belia / beliawanis yang berjiwa kental, berjiwa besar dan berakhlak mulia iaitu memiliki nilai-nilai iman dan ihsan.

Selaku lepasan program ini, para pelatih juga nanti diharap akan menjadi *role model* / penyuntik semangat para belia dan beliawanis yang lain di luar sana di dalam sama-sama menyokong dan menjayakan hasrat kerajaan menuju Wawasan Brunei 2035 melalui pengukuhan jati diri, berdaya saing, bijak dan kreatif sesuai dengan moto PKBN 'Bersedia Berkhidmat Berbakti'.

Yang Berhormat yakin dalam tempoh tiga bulan ini para pelatih akan didekatkan dan ditanamkan dengan ilmu dan pendedahan latihan fizikal, pembentukan karakter, kenegaraan dan khidmat komuniti melalui module-module program yang telah dipertingkatkan dan diperbaiki semenjak dari pengambilan pertama dengan mengutamakan penerapan konsep Melayu Islam Beraja.

Selain itu dan lebih penting katanya, antara objektif program ini adalah untuk menambah pengetahuan dan pengalaman pelatih-pelatih, di samping berpeluang mengeratkan semangat berpasukan yang tinggi dan kemantapan semangat patriotisma dan kesetiaan kepada raja, ugama serta negara juga tuntutan Wasawan Brunei 2035.

"Kejayaan adalah melalui PKBN masa lalu dan mendatang, sokongan dan dukungan daripada pelbagai pihak terutamanya pihak ibu bapa. Sokongan dan dorongan moral daripada ibu bapa dalam memastikan para pelatih sentiasa bersemangat, berdaya tahan dalam tempoh 100 hari ini hingga berjaya menamatkan latihan adalah elemen penting kejayaan pelatih dan program."

Kerajaan menghargai peranan penting ibu bapa dalam memastikan keberkesanan program ini. Kerajaan dan pihak berwajib / berkepentingan juga menyedari bukanlah satu perkara mudah bagi ibu bapa untuk melepaskan anak-anak mereka bagi menyertai program ini, jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, lantaran itulah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui PKBN sangat menyanjung tinggi atas kepercayaan yang diberikan oleh ibu bapa dalam melatih dan mendidik anak-anak mereka dalam PKBN ini.

Menurutnya, di atas kepercayaan itu, KKBS melalui PKBN telah menyediakan modul-modul pembangunan modal insan yang berasaskan kepada nilai-nilai murni konsep negara Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir," ujar Yang Berhormat.

Sejurus pelancaran PKBN Pengambilan Ke-6, majlis kemudian menyaksikan Lafaz Ikrar daripada seramai 359 pelatih serta nyanyian lagu 'Sedia Berbakti'.

Terdahulu dari itu, majlis turut mendengarkan ucapan alu-aluan daripada Pengarah Bahagian Khidmat Bakti Negara, Kolonel (B) Pengiran Haji Zulkifli bin Pengiran Haji Ismail, selaku Pengerusi Majlis.

Juga hadir, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, wakil Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, wakil Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pegawai Daerah Temburong, Pengarah-pengarah, Timbalan-timbalan Pengarah dan Pegawai-pegawai kanan KKBS, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua kampung Daerah Temburong, Ahli Jawatankuasa 'Task Force' PKBN serta para ibu-bapa dan penjaga pelatih Pengambilan Ke-6.

*PKBN, jelas Yang Berhormat, telah berjaya mengorak langkah dengan lebih jauh dan meyakinkan dalam mengukuh dan mempertingkatkan imej serta kedudukannya sebagai program strategik nasional yang terunggul dan cemerlang melahirkan belia dan beliawanis yang dinamik dan patriotik dan bertanggungjawab.*



LAFAZ ikrar daripada seramai 359 pelatih PKBN Pengambilan Ke-6 serta nyanyian lagu 'Sedia Berbakti'.

# Projek Fasa Ke-2 Prasarana PKBN dianggarkan bernilai BND2.8 juta



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof mendengarkan penerangan daripada Pegawai Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya mengenai Perkembangan Projek Fasa Kedua PKBN Batu Apoi.

**Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain**

**TEMBURONG**, Sabtu, 10 Disember. - Dengan bermulanya penggunaan kompleks baharu kekal Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Batu Apoi pada hari Ahad, 4 Disember 2016 yang baru lalu, ia dihasratkan akan dapat menerima lebih ramai pelatih serta memberikan lebih banyak kaedah-kaedah latihan terkini kepada peserta program.

Dalam pada itu, Menteri Kebudayaan, Belia Dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa ditemui Pelita Brunei menjelaskan pada ketika ini kerja-kerja pembinaan prasarana fasa kedua PKBN sedang rancak dijalankan bersebelahan bangunan kem latihan sedia ada.

Yang Berhormat menjelaskan, kerja-kerja pembinaan ini termasuk pembinaan padang kawad yang akan digunakan semasa tamat latihan nanti serta pembinaan prasarana latihan atau Obstacle Course Field.

Menurutnya, Projek Fasa Ke-2 di bawah kendalian Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan ini dianggarkan bernilai BND2.8 juta ringgit turut melibatkan pembinaan Pentas Diraja atau Royal Dias.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, sementara itu prasarana latihan atau Obstacle Course Field di bawah fasa kedua ini pula akan dilengkapi dengan prasarana *rock-climbing*, *high and low ropes*, *zip line* atau *flying fox*, *obstacle course* dan *common task*.

Pembinaan Fasa Kedua Prasarana PKBN ini katanya, dijangka siap sebelum Program Latihan Pengambilan Ke-6 menamatkan latihan mereka pada bulan Mac 2017 nanti.

Dalam pada itu, Majlis Penyerahan Bangunan Kem Latihan PKBN, Batu Apoi telah berlangsung pada 24 November yang lalu.

Ianya mula dibangun selepas berlangsungnya peletakan batu asas pada 24 Disember 2014 dan merupakan projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10.

Dilaksanakan oleh LSL Sendirian Berhad, pembinaan kem ini berkonsepkan mesra alam dan mengandungi lima blok bangunan yang terdiri dari Blok Pentadbiran, Blok Pusat Perubatan dan Asrama Pelatih Perempuan, Blok Asrama Staff Wanita, Blok Surau, Dewan Makan, Bilik Kuliah, Dewan Serbaguna dan Stor serta Blok Asrama Staff dan Pelatih Lelaki.

Dalam pada itu, para ibu bapa dan penjaga pelatih yang datang dari seluruh negara yang hadir mengambil peluang untuk meluangkan masa bersama anak-anak mereka yang dihantar mengikuti latihan di kem ini.

Dalam kesempatan ini, Pelita Brunei menemu bual salah seorang ayah pelatih PKBN Pengambilan Ke-6, Awang Haji Hassan bin Haji Ismail dari DBM melahirkan rasa puas hati dengan pelaksanaan program setakat ini terutama daripada segi prasarana kem latihan serta aspek kesejahteraan para pelatih.

Menurutnya lagi, biarpun baru berada di kem latihan ini selama seminggu, beliau berbangga dengan perubahan positif yang sudah dapat dilihat di dalam diri anak perempuannya terutama daripada segi disiplin, pengurusan masa yang lebih teratur dan memiliki mentaliti yang lebih kuat dalam azamnya untuk meneruskan cabaran mengikuti latihan hingga ke penghujungnya.

Daripada sejumlah 359 pelatih, 266 orang berasal dari DBM, 44 orang dari Daerah Belait, 42 orang dari Daerah Tutong dan tujuh orang dari Daerah Temburong, yang mana 70 peratus masih bersekolah dalam peringkat 'O' dan 'A' level dan sedang menunggu keputusan peperiksaan masing-masing, manakala 30 peratus lagi telah menamatkan persekolahan.

Program ini merupakan aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan menjadi satu keperluan bagi negara untuk melahirkan generasi belia yang dinamik, berdaya saing dan cemerlang.

Ini adalah selaras dengan matlamat Dasar Belia Negara, iaitu untuk mewujudkan Belia Brunei Cemerlang dan sekali gus dapat mendukung usaha dalam merealisasikan Wawasan Negara 2035; iaitu ke arah rakyat yang berpendidikan; berkemahiran tinggi dan berjaya; kehidupan rakyat yang berkualiti dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Para pelatih PKBN Pengambilan Ke-6 ini akan berada di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi selama 100 hari bermula 4 Disember 2016 sehingga 13 Mac 2017 dengan didedahkan kepada kepada empat komponen utama program yang dibentuk dalam Calak Brunei, iaitu komponen jati diri, kenegaraan dan keagamaan, komponen latihan disiplin dan fizikal, komponen keusahawanan dan komponen khidmat komuniti.

Aspek-aspek kepimpinan dan pengurusan turut dititikberatkan dalam program ini terutama dalam aspek pengurusan kewangan dan perniagaan, sebagai langkah dorongan dan membina semangat serta keinginan para belia untuk menjadi seorang usahawan yang akan mampu menyumbang secara positif pada pembangunan negara.



AWANG Haji Hassan bin Haji Ismail dari Daerah Brunei dan Muara berpuas hati dengan pelaksanaan program setakat ini terutama dari segi prasarana kem latihan serta aspek kesejahteraan.



SOKONGAN dan dorongan keluarga perlu bagi dua pelatih yang berasal dari Daerah Temburong ini.



SEPASANG suami isteri meluangkan masa di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Daerah Temburong untuk melawat anak mereka berusia 17 tahun yang mengikuti latihan PKBN selama 100 hari.



GAMBAR lakaran Projek Fasa Ke-2 Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), dianggarkan bernilai BND2.8 juta ringgit yang turut melibatkan pembinaan Pentas Diraja atau Royal Dias.

# Dikir Maulud Kementerian Pendidikan berakhir

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 11 Disember. - Kementerian Pendidikan mengadakan Majlis Penutup Berdikir di Masjid Kampung Sungai Hanching, Jalan Muara, sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di sini.



PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar (tengah) hadir pada Majlis Penutup Berdikir di Masjid Kampung Sungai Hanching, Jalan Muara, sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Rombongan diketuai oleh Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Antara yang hadir ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Profesor Madya Dr. Haji Azman bin Haji Ahmad; Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai serta kakitangan dari Kementerian Pendidikan.

Turut hadir menyertai rombongan, pelajar-pelajar dari Institusi-institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan, iaitu Universiti Brunei Darussalam; UNISSA; Universiti Teknologi Brunei dan Politeknik Brunei.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Pemangku Menteri Pendidikan.

Majlis diteruskan dengan bacaan Dikir Syarafil Anam dan seterusnya menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, sebelum diakhiri dengan Doa Allah Peliharakan Sultan.

Majlis berdikir ke masjid-masjid tersebut antara lain bertujuan untuk menggalakkan warga Kementerian Pendidikan untuk terus berselawat dan memuji Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Di samping itu, ia juga bagi menunjukkan rasa kasih sayang terhadap jasa-jasa Baginda yang telah memancarkan cahaya dan roh Islam kepada umat Islam.

Aktiviti tahunan Kementerian Pendidikan itu, dikendalikan bersama oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum, Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Kementerian Pendidikan dan Urusetia Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan, Negara Brunei Darussalam.

# Pengagihan sumbangan 'Siuknya Sedekah'

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain (tengah) menyampaikan Sumbangan Barang-Barang Asasi Program 'Siuknya Sedekah' yang berlangsung di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

**TUTONG**, Ahad, 11 Disember. - Program 'Siuknya Sedekah' yang dianjurkan oleh Kumpulan Belia Masjid Hassanal Bolkiah, 'Ibadurrahman dengan kolaborasi bersama Persatuan Saudara-Saudara Baharu Daerah Tutong (PESATU) merupakan program yang berbentuk khidmat masyarakat.

Sehubungan itu, satu Majlis Pengagihan Sumbangan Barang-Barang Asasi Program 'Siuknya Sedekah' berlangsung di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian agihan sumbangan berkenaan kepada para penerima ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain.

Dalam ucapan alu-aluan Ketua Kumpulan Belia 'Ibadurrahman masjid berkenaan, Awang Muhammad Azlin bin Azlani, selaku Pengerusi Majlis Program 'Siuknya Sedekah' menjelaskan tujuan program tersebut diadakan adalah bagi memupuk sifat suka bersedekah dalam diri individu, di samping membuka ruang dan peluang untuk sama-sama beramal bersama masyarakat.

Dalam pada itu, Program 'Siuknya Sedekah' ini telah mula dijalankan pada 18 hingga 20 November 2016 lepas yang mana pihak penganjur mengumpulkan beberapa jenis barang asasi antaranya beras, minyak makan dan lain-lain lagi, yang mana kemudiannya akan diagihkan kepada golongan yang memerlukan, didahulukan penerima daripada kalangan saudara-saudara baharu yang fakir.

Awang Muhammad Azlin semasa ditemu bual menjelaskan, matlamat utama bagi mengadakan program berkebajikan tersebut adalah bagi sama-sama menyahut seruan agama Islam untuk memperbanyakkan sedekah dan memupuk sifat saling tolong-menolong serta saling sayang-menyayangi di antara satu sama lain sebagaimana yang dinyatakan dalam Kitab Suci Al-Quran dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Jelasnya, program ini diadakan dengan kolaborasi Kumpulan Belia Masjid Hassanal Bolkiah, 'Ibadurrahman bersama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), iaitu PESATU dan juga program ini disokong penuh oleh ahli takmir Masjid Hassanal Bolkiah.

"Program ini untuk memberikan khidmat masyarakat seperti memberikan sumbangan berupa makanan asasi yang diagihkan kepada 30 penerima terdiri daripada ibu-ibu tunggal di daerah ini pada pagi ini dan selebihnya akan kami agihkan pada petang nanti ke rumah-rumah penerima yang terdiri daripada golongan asnaf fakir miskin di daerah ini," jelasnya.

Sementara itu Dayang Nur Zarani binti Abdullah, 53, dari Rancangan Perumahan Negara Kampung Bukit Beruang Tutong semasa ditemui berkata, beliau berasa sangat gembira dan bersyukur kerana belia di negara ini khususnya daerah ini amat prihatin dan mengambil kebajikan golongan yang kurang berkemampuan.

"Saya berterima kasih kepada Kumpulan Belia Masjid Hassanal Bolkiah, 'Ibadurrahman bersama dengan PESATU di atas sumbangan yang diberikan kepada saya dan anak-anak saya, semoga Allah Subhanahu Wata'ala sahaja yang membalas kebaikan dan tidak lupa juga kepada mereka yang telah menghulurkan sumbangan bagi membantu ibu-ibu tunggal seperti saya ini," ujarnya, dengan terharu.



KETUA Kumpulan Belia 'Ibadurrahman masjid, Awang Muhammad Azlin bin Azlani, selaku Pengerusi Majlis Program 'Siuknya Sedekah' menjelaskan tujuan program tersebut diadakan adalah bagi memupuk sifat suka bersedekah dalam kalangan individu dan masyarakat.



DAYANG Nur Zarani binti Abdullah, 53, dari Rancangan Perumahan Negara Kampung Bukit Beruang Tutong sangat gembira dan bersyukur kerana kerpihatinan para belia Daerah Tutong ke atas golongan yang kurang berkemampuan.

# Ceramah Khas sempena Maulud

Berita dan Foto : Ihsan Awang Haji Mohammad Isa Haji Marsidi



PENCERAMAH undangan dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Samali bin Haji Adam ketika memberikan ceramah khas Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

**MUKIM MENTIRI**, Sabtu, 10 Disember. - Masjid Kampung Batu Marang mengadakan Ceramah Khas bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), iaitu Ustaz Awang Haji Samali bin Haji Adam.

Ceramah yang diadakan itu dihadiri oleh Para Penasihat, Pengarah Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Naim; Penghulu Mukim Mentiri, Awang Haji Maidin bin Tarip yang juga selaku Ketua Kampung Batu Marang; dan Pengiran Haji Merali bin Pengiran Ismail; Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Takmir, Ahli-ahli Muslimah, jemaah dan penduduk Kampung Batu Marang serta sekitarnya.

Dalam ceramah yang disampaikan itu memberikan manfaat kepada semua jemaah yang hadir dan banyak contoh-contoh yang bernas serta mudah difahami oleh golongan empat generasi yang hadir, iaitu generasi warga emas, dewasa, belia juga generasi bawah umur.

# Selawat zahirkan rasa kasih, cinta kepada Rasulullah



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof (dua, kiri) hadir selaku tetamu kehormat. Juga hadir, Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman (tiga, kiri); Ketua Pegawai Ugama, Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Belait, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu (kiri) dan Penghulu Mukim Liang, Awang Haji Abdul Hamid bin Awang Haji Momin (kanan).

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed



KETUA Bahagian Imarah Jabatan Hal Ehwal Masjid,Haji Juffle bin Haji Mega melahirkan rasa terharu dengan penyertaan orang ramai ke masjid-masjid.



DAYANG Hamizah Abdullah... bangga sama-sama membesarkan dan memperingati Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

**LUMUT**, Sabtu, 10 Disember. - Rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengadakan Majlis Ihya Maulidur Rasul di Masjid Zainab, Kampung Lumut, Daerah Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Untuk memeriahkan dan memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Majlis Dikir Syarafil Anam di Masjid-masjid / Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara bertujuan untuk mendapatkan keberkatan dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala, selain memupuk kesedaran dan keinsafan umat Islam dalam mengenang jasa dan pengorbanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan agama Islam.

Antara ganjaran yang akan diperolehi oleh orang yang sentiasa berselawat ialah sebagaimana dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa "Sesungguhnya Rasulullah Shallallahu Alaihi Wasallam bersabda sesiapa mengucapkan selawat kepadaku, Allah Subhanahu Wata'ala berselawat (memberi rahmat) kepadanya sepuluh kali."

Sehubungan itu, bersempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang disambut pada 12 Rabiulawal setiap tahun, semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara akan terus bergema dengan Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam selama 12 malam berturut-turut mulai 1 Rabiulawal 1438H yang lalu.

Tauladan berbentuk tazkirah mengenai sirah Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid selaku Imam Masjid Zainab, Awang Haji Aminordin bin Haji Mohd. Yussof.

Antara isi tazkirah telah disampaikan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-Ahzab, ayat 56 yang tafsirnya "Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat ke atas Nabi (Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam), wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya."

Dari surah tersebut dapat difahami Allah Subhanahu Wata'ala dan malaikat-Nya berselawat ke atas Baginda, apatah lagi kita sebagai hamba Allah dan umat baginda Sallallahu Alaihi Wasallam. Dengan berselawat, akan melahirkan rasa kasih dan cinta kepada Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam.

Apabila kita telah kasih dan cinta kepada baginda, kita akan mengamalkan pula Sunnah-sunnahnya dari segi percakapan, perbuatan, tingkah laku dan akhlak baginda itu adalah sangat mulia dan akhlak baginda itu pula adalah Al-Quran sepertimana yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, "Hasyim bin Amir pernah bertanya kepada Aisyah Radiallahu Anha tentang akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Aisyah menjawab : Akhlak Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam adalah Al-Quran."

Jawapan Saidatuna Aisyah singkat namun penuh makna dalam menyifatkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan sifat yang dapat mewakili seluruh sifat yang mulia. Allah berfirman di dalam beberapa ayat yang telah diturunkan tentang Al-Quran, "Al-Quran ini memberi petunjuk ke (jalan) yang paling lurus.." Surah Al-Israa', ayat 9, "Yang memberi petunjuk kepada (jalan) yang paling lurus." Surah Al-Jinn, ayat 2, "…tidak ada keraguan padanya, petunjuk bagi mereka yang bertakwa" Surah Al-Baqarah, ayat 2.

Inilah akhlak Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam adalah Al-Quran yang mana Al-Quran itu adalah petunjuk kepada orang yang bertakwa dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam diutus adalah untuk memimpin umatnya menuju ke jalan Allah.

Adapun kelebihan berselawat itu sangat besar dan alangkah ruginya jika kita mengabaikannya, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda : "Barangsiapa yang berselawat kepadaku satu kali, maka Allah akan berselawat padanya sepuluh kali dan dihapuskan daripadanya sepuluh dosa dan diangkat baginya sepuluh darjat." Kelebihan berselawat itu juga penghapus dosa, diampunkan dan dinaikkan darjat seseorang yang berselawat ke atas Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sesungguhnya berselawat itu versi yang mempunyai kelebihan yang tersendiri sepertimana yang telah diperakui oleh para ulama. Sepertimana yang kita lakukan pada masa ini, kita berdikir selama 12 malam di masjid-masjid seluruh negara sehinggalah ke hari kemuncaknya, iaitu Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Kebangsaan.

Apa yang penting di dalam melakukan amalan-amalan hendaklah ikhlas dan berniat semata-mata untuk mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dalam berselawat dan menzahirkan kecintaan kepada baginda Sallallahu Alaihi Wasallam dan mengamalkan sunnah-sunnahnya nescaya akan dicintai pula oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapat kejayaan di akhirat kelak.

"Bimbinglah ahli keluarga kita agar sentiasa melakukan amalan-amalan soleh dan menjadikan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai contoh ikutan yang baik di dalam menjalani kehidupan di dunia ini agar diri kita dan keluarga kita terpelihara daripada segala keburukan dan azab api neraka," akhir tazkirah Imam Masjid Zainab, Awang Haji Aminordin bin Haji Mohd. Yussof.

Pelita Brunei sempat menemu bual Ketua Bahagian Imarah Jabatan Hal Ehwal Masjid KHEU, Haji Juffle bin Haji Mega, berkata rombongan dari KHEU yang hadir pada majlis zikir ke masjid-masjid terpilih diwakili dari jabatan-jabatan di bawah KHEU dan menjemput sama AJK takmir, MPM, MPK dan ahli-ahli NGO, sekolah-sekolah serta universiti bagi memeriahkan sambutan sempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang disambut pada 12 Rabiulawal akan datang.

"Bagi memeriahkan lagi majlis zikir pada 12 malam berturut-turut KHEU telah menambah sedikit acara dengan memberi tazkirah atau membaca hadis bagi mengingati akan kisah-kisah dan kelebihan membesarkan lagi penghayatan dalam memperingati perjuangan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam," tambah Haji Juffle yang juga melahirkan rasa terharu dengan penyertaan orang ramai ke masjid-masjid yang dikunjungi oleh rombongan KHEU amat menggalakkan.

Sementara itu Pelita Brunei juga menemu bual jemaah perempuan yang hadir di majlis itu, Dayang Hamizah Abdullah berkata, "Alhamdulillah saya berasa terharu, bangga dan gembira kerana dapat menghadirkan diri dalam sama-sama membesarkan dan memperingati Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, InsyaaAllah saya pasti akan ikut serta pada sambutan-sambutan akan datang."

Majlis seumpama itu diadakan sebagai salah satu syiar Islam untuk memakmurkan masjid, selain mengingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan KHEU dengan jemaah masjid dan penduduk kampung.

Hadir sama Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman; Ketua Pegawai Ugama, Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Belait Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu; Penghulu Mukim Liang Awang Haji Abdul Hamid bin Awang Haji Momin.

Dikir Syarafil Anam 12 Malam Berturut-Turut ini akan diadakan majlis penutupnya pada Ahad, 11 Disember 2016 bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, jam 8.00 malam.



DIKIR Maulud terus bergema di masjid-masjid.

# Hujung minggu bersama keluarga

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad



PENGIRAN Haji Mohammad Hasinuddin bin Pengiran Haji Mohammad Yassin bersama keluarga.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 11 Disember. - Ibu Negara, Bandar Seri Begawan (BSB) menjadi tumpuan bagi orang ramai untuk meluangkan masa di pagi hujung minggu bagi melakukan pelbagai aktiviti terutama beriadah.

Dengan adanya program Bandarku Ceria ini, BSB akan terus dihidupkan dengan suasana hujung minggu yang mana masyarakat di negara ini boleh berkumpul dan meluangkan masa bersama keluarga dan kawan-kawan.

BSB merupakan sebuah bandar dalam taman (garden city) dan mempunyai alam sekitar yang bersih, cantik dan bebas dari pencemaran.

Di hujung minggu kali ini, program Bandarku Ceria turut diisikan dengan Riadah Berbasikal Untuk Kesihatan.

Dalam merasakan kemeriahan Bandarku Ceria, wakil dari Pelita Brunei turut meluangkan masa menyertai pelbagai aktiviti yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien dan berkesempatan menemu bual beberapa orang yang ikut serta.

Pengiran Haji Mohammad Hasinuddin bin Pengiran Haji Mohammad Yassin, ketika ditemui menjelaskan, Bandarku Ceria ini memang satu alternatif yang bagus dan banyak aktiviti yang dijalankan setiap hari Ahad.

Menurutnya, jika perlu setiap hari Ahad, diadakan aktiviti bagi kanak-kanak dan warga emas kerana jika kurang aktiviti besar berkemungkinan pengunjung akan berkurangan suatu hari nanti.

Pengiran Haji Hasinuddin yang datang ke BSB bersama ahli keluarga turut serta dalam riadah berjalan kaki berkata, program ini juga bukan hanya untuk menceriakan bandar malahan masyarakat dan penduduk Brunei secara tidak langsung mengadakan perjumpaan di setiap hujung minggu, di samping dapat mengeratkan pertalian kekeluargaan dan silaturahim.

"Saya menyeru agar masa dipanjangkan agar para-para peniaga dapat berniaga lebih panjang dan diharap dapat dipanjangkan hingga ke petang. Kalau boleh diadakan setiap malam minggu juga agar orang ramai dapat melakukan beberapa aktiviti di malam minggu dan berniaga," jelasnya.

Manakala Awang Mohammad Syafiq bin Haji Souyano pula berkata, meluangkan masa di hujung minggu untuk beriadah boleh menjaga kesihatan tubuh badan, di samping dapat mengeratkan hubungan silaturahim dengan kawan-kawan dan orang ramai yang lain.

Tambahnya, beliau mengikuti jualan kecil iaitu menjual buah-buahan untuk orang ramai kerana dengan jualan buah-buahan dapat meningkatkan daya kesihatan yang bagus. Walaupun hanya berjual buah-buahan, akan tetapi ianya mengutungkan bagi beliau.

Menurutnya, berkumpul beramai-ramai bersama keluarga dan kawan-kawan untuk melakukan pelbagai riadah dan bersukan di hujung minggu ini akan menjadikan kita untuk terus mengamal cara hidup sihat.



AWANG Mohammad Syafiq bin Haji Souyano.



SUASANA Bandar Seri Begawan, bersempena Bandarku Ceria.

# Penutupan jalan sempena sambutan Maulud Nabi

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 Disember. - Sehubungan dengan Upacara Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada Tahun 1438 Hijrah ini, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) ingin memaklumkan kepada orang ramai beberapa jalan akan ditutup di sekitar kawasan Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong dalam sama-sama menjayakan berlangsungnya Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di keempat-empat buah daerah pada 12 Disember 2016.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, perhimpunan dan perarakan akan mengambil tempat di Padang Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien dan beberapa jalan yang terlibat akan mula ditutup bermula dari jam 6.30 pagi hingga selesai.

Jalan-jalan utama yang akan ditutup ialah kawasan Lampu Isyarat Jalan Tutong, iaitu berhadapan dengan Bangunan Badi'ah; kawasan Lampu Isyarat Mahkamah Besar; kawasan Lampu Isyarat Jalan Haji Basir (hadapan Bangunan Bomba) dan sepanjang Jalan Lampu Isyarat Taman Jubli; kawasan Lampu Isyarat Jalan Kumbang Pasang, iaitu berdekatan dengan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri sehingga ke jalan masuk ke Sekolah St. Georges; kawasan Lampu Isyarat Jalan Bendahara (berdekatan dengan Sekolah Menengah Chung Hua), termasuklah Kawasan Lampu Isyarat Jalan Jawatan Dalam / Jalan Kebangsaan, Jalan Sekolah / Jalan Tasek / Jalan TV Besar; kawasan Lampu Isyarat Stoney; kawasan Lampu Isyarat Jalan Kianggeh (Hotel Jubilee); kawasan Lampu Isyarat Jalan Elizabeth 2 / Jalan Kianggeh (berdekatan dengan Tokong China); dan kawasan Lampu Isyarat Jalan Residency / Jalan Mc Arthur.

Perlu juga diambil perhatian akan penutupan jalan utama di sepanjang Jalan Mc Arthur / Jalan Sultan / Kawasan Lampu Isyarat Jalan Roberts; sepanjang Jalan Elizabeth 2; sepanjang Jalan Sumbiling (jalan menuju ke Balai Polis BSB); sepanjang Jalan Stoney; sepanjang Jalan Sultan; sepanjang Jalan Pemancha; dan sepanjang Jalan Residency menghala ke Kota Batu (dekat simpang jalan ke Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan).

Antara tempat letak-letak kereta yang perlu dikosongkan awal sehari sebelum upacara perhimpunan bermula ialah sepanjang Jalan Tasek / Jalan Kianggeh / Jalan Mc Arthur dan Jalan Sultan serta Jalan Stoney / Jalan Haji Basir juga Jalan Sekolah.

Ini kerana jalan-jalan tersebut akan bakal digunakan untuk Upacara Perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sehubungan dengan perkara ini, adalah diingatkan bahawa PDB akan mengambil tindakan dengan memindah mana-mana kenderaan yang didapati diletakkan pada tempat-tempat yang disebutkan, iaitu pada malam 11 Disember 2016.

Bagi pengguna-pengguna bas yang akan digunakan oleh para peserta perhimpunan, sama ada dari institusi-institusi pendidikan atau pun agensi-agensi kerajaan dan swasta, bas yang datang dari laluan Jalan Kebangsaan hendaklah menurunkan peserta di kawasan Jalan Bendahara, Jalan Stoney (dekat Terrace Hotel) Jalan Padang dan Jalan Kumbang Pasang.

Begitu juga bagi bas yang datang dari Jalan Tutong / Jalan Gadong, hendaklah menurunkan peserta di kawasan Jalan Stoney, Jalan Bendahara.

Kesemua bas yang membawa para peserta perhimpunan ini akan diletakkan di kawasan Letak Kereta Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kiarong.

Perlu diingatkan kepada guru-guru yang bertugas untuk menjaga anak-anak murid, diminta agar lebih bekerjasama dan mengambil penuh tanggungjawab terhadap keselamatan penurunan anak-anak murid di tempat-tempat yang dikhaskan.

Orang ramai dinasihatkan untuk menggunakan jalan-jalan alternatif jika perlu untuk melalui Bandar Seri Begawan seperti Jalan Lebuhraya Hasanal Bolkiah; Jalan Tutong hala Jalan Lama Muara; Jalan Kumbang Pasang hala Jalan Menteri Besar / Jalan Sungai Akar dan Jalan Gadong.

Manakala bagi Daerah Tutong, jalan yang terlibat akan mula ditutup pada jam 7.00 pagi. Jalan-jalan tersebut ialah Simpang Tiga Stesen Minyak Penyurat Haji Abu Bakar; Simpang masuk kedai Chop Tang Huat (berhadapan OG Complex); Simpang masuk Central Mall; Simpang Tiga berdekatan Pejabat Elektrik, Daerah Tutong; Simpang depan Pejabat Daerah Tutong. Orang ramai tidak dibenarkan untuk meletakkan kenderaan mereka di sepanjang jalan yang digunakan.

Sementara itu, bagi Daerah Belait, jalan-jalan utama di sekitar Pekan Belait akan ditutup. Perarakan akan bermula dari Padang Bandaran, Kuala Belait dan jalan-jalan yang akan dilalui oleh peserta-peserta perarakan adalah seperti Jalan Maulana; Jalan Carey; Jalan Panglima; Jalan Bunga Raya; Jalan Dato Shahbandar dan Jalan Sultan.

Penapisan di jalan-jalan tersebut akan bermula pada jam 6.30 pagi dan penutupan penuh bagi acara perarakan akan dibuat sekitar jam 7.30 pagi. Tidak ada kebenaran untuk kenderaan melalui dan meletakkan kenderaan di jalan-jalan tersebut bagi keselamatan peserta perarakan, ia akan dikuatkuasa bermula jam 6.00 pagi pada 12 Disember 2016 sehingga selesai acara.

Sekiranya jalan-jalan yang akan digunakan oleh peserta perarakan sudah mula ditutup, orang-orang awam yang ingin menuju ke padang bandaran bolehlah menggunakan laluan alternatif seperti Jalan Singa Menteri; Jalan Sungai; Jalan Kampung Melayu Asli dan Jalan Dato Shahbandar.

Bagi Daerah Temburong, jalan-jalan yang akan dikawal selia pada pagi tersebut adalah sebahagian dari Jalan Utama Labu; Jalan menuju masuk dan keluar dari Pekan Bangar; dan simpang masuk dari Pejabat Daerah menuju ke Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar.

Pengawalan dan penyeliaan jalan tersebut akan bermula dari jam 6.30 pagi hingga acara selesai dijalankan.

Anggota-anggota PDB akan berada di lokasi-lokasi tertentu bagi memberi arah perjalanan yang boleh dilalui kepada pengguna-pengguna jalan raya.

Bagi mengelakkan dan mengurangkan kesesakan lalu lintas berlaku, orang ramai dinasihatkan agar berkongsi kenderaan dan datang lebih awal bagi meletakkan kenderaan mereka di tempat yang selamat dan dikhususkan untuk melancarkan pergerakan dijalan-jalan yang dikawal.

Orang ramai dinasihatkan untuk mematuhi dan mengambil timbang rasa pada arahan pegawai-pegawai polis trafik yang bertugas. PDB juga tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan kepada mereka yang meletakkan kenderaan di tempat yang ditegah semasa acara berlangsung.

Di kesempatan ini juga, PDB ingin mengingatkan kepada orang ramai khususnya para pemandu dan pengguna jalan raya di luar sana untuk sentiasa mengamalkan sikap bertolak ansur sesama pengguna jalan raya; bersopan santun dan berbudi bahasa sesama pengguna jalan raya yang lain; elakkan menggunakan telefon bimbit semasa memandu; sentiasa menggunakan tali pinggang keselamatan semasa memandu; sentiasa memastikan kenderaan selamat untuk dipandu; sentiasa mematuhi Undang-Undang dan Peraturan Lalu Lintas; meningkatkan kewaspadaan semasa memandu terutama semasa hujan; dan jalan raya bukanlah tempat untuk kita berlumba-lumba dan memandu tanpa menghiraukan pengguna jalan raya yang lain.

PDB mengingatkan kepada orang ramai supaya tidak akan menggunakan sebarang *drone* semasa upacara tersebut berlangsung dan tindakan yang bersesuaian akan diambil ke atas mana-mana orang ramai yang didapati menggunakan *drone* tersebut.

## Sempena memperingati Maulidur Rasul :

# Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pembawa rahmat



Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan



ORANG kurang upaya juga lazimnya tidak ketinggalan menyertai perhimpunan.

**MEMPERINGATI** hari keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan satu sambutan hari kebesaran Islam yang dilaksanakan pada pelbagai peringkat di negara ini. Ini merupakan tanda kasih sayang dan ingatan kita terhadap perjuangan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Bahkan dengan diutuskan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kita selaku umat Islam dapat menjalani hidup dengan sempurna dengan adanya panduan dan bimbingan yang betul melalui ajaran Baginda.

Selain Al-Quran, sunnah Baginda, iaitu segala bentuk amalan, perbuatan, tingkah laku dan percakapan Baginda telah menjadi contoh untuk diikuti dan dipraktikkan oleh umat Islam kerana ia berlandaskan hukum syarak dan bukan sewenang-wenangnya mengikut kehendak manusia. Malah sunnah Baginda itu merangkumi segala aspek kehidupan malah kekal relevan hingga ke hari ini. Begitulah betapa besarnya jasa Baginda terhadap umat Islam di dunia ini.

### SAMBUTAN

Dalam menyemarakkan sambutan Maulidur Rasul di negara ini, sudah menjadi tradisi negara kita memulakannya dengan mengadakan Dikir Maulud selama 12 malam berturut-turut bergema di masjid-masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara bermula pada 1 Rabiulawal.

Pada 12 Rabiulawal pula, diadakan pula Perhimpunan dan Perarakan bagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di keempat-keempat daerah. Hari-hari berikutnya pula diadakan acara-acara keagamaan sempena Maulidur Rasul yang dianjurkan pada peringkat kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, persatuan-persatuan, sekolah-sekolah malah peringkat mukim dan kampung.

Pada tahun ini, acara kemuncak Perhimpunan dan Perarakan bagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1438 Hijrah akan diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan pada Isnin, 12 Rabiulawal 1438 Hijrah bersamaan 12 Disember 2016 Masihi bermula jam 7.00 pagi.

Bagi daerah-daerah, perhimpunan akan berlangsung di Padang Bandaran Kuala Belait bagi Daerah Belait; Padang Sekolah Rendah Muda Hashim, Pekan Tutong bagi Daerah Tutong dan Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar bagi Daerah Temburong.

Pada tahun ini tema bagi sambutan ialah "Berwawasan yang berkat dengan bercontohkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam".

### PERTANDINGAN

Sepertimana lazimnya, Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1438H telah mempelawa penyertaan pasukan-pasukan dan orang ramai bagi sama-sama ikut serta dalam Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1438H. Penyertaan adalah dibukakan kepada pasukan-pasukan berunifom, kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, sekolah-sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi, persatuan-persatuan dan sektor swasta, kampung-kampung, Majlis Perundingan Kampung dan takmir masjid.

Menyentuh mengenai perarakan pada sambutan peringkat negara, lazimnya Pertandingan Perbarisan dan Perarakan turut dilakukan yang tujuannya bagi menambah bisaikan lagi pemandangan di taman, yang mana semua pasukan telah bersedia berbaris sebelum acara dimulakan, di samping tujuan utama pertandingan, iaitu bagi menyuntik semangat perpaduan, rasa cinta dan kasih kita kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dengan itu, para pasukan akan membuat perbarisan dan perarakan lebih teratur, berpakaian kemas, sepanduk terbentang berserta laungan selawat yang indah didengar.

Adalah diharapkan juga pertandingan itu tidak akan mengubah tujuan asal perbarisan dan perarakan diadakan, iaitu untuk mengingati Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bukannya bertujuan untuk memenangi pertandingan yang diadakan ini.

Menurut urusetia sambutan, pada tahun ini sebanyak empat kategori dipertandingkan bagi Perbarisan dan Perarakan. Kategori 1 adalah bagi Sekolah Menengah / Arab / Maktab / Institusi Pengajian Tinggi / Swasta dengan jumlah 28 pasukan yang disertai 2,180 peserta.

Kategori 2 pula adalah bagi Kementerian dan Jabatan Kerajaan dengan penyertaan sebanyak 18 pasukan yang terdiri dari 1,921 peserta.

Sementara Kategori 3 pula adalah bagi Persatuan-Persatuan dan Sektor Swasta dengan penyertaan 23 pasukan yang terdiri dari 1,997 peserta.

Manakala Kategori 4 pula adalah bagi Kampung dan Masjid yang terdiri dari 27 pasukan dengan penyertaan 2,215 orang.

Penghakiman bagi pertandingan perarakan dibahagikan kepada enam sudut, iaitu Perhimpunan; Perbarisan; Pakaian; Bacaan Selawat; Sepanduk dan Hadiah Khas.

### PENUTUP

Sememangnya negara kita akan terus menyemarakkan sambutan hari kebesaran Islam di negara ini demi mengukuhkan keimanan dan ketakwaan kita terhadap agama Islam serta memperkembangkan dan menyebarkan lagi syiar Islam di negara ini.

Perhimpunan penuh berkah ini setentunya memperingatkan umat Islam di negara ini akan kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, memuliakan Baginda dan menzahirkan rasa kesyukuran sebagai umat Baginda.

Dengan adanya perhimpunan seumpama ini diharap akan dapat membawa rasa kecintaan Muslimin / Muslimah kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ke tahap yang lebih tinggi untuk sama-sama memperkasa diri dalam pelbagai aspek.

Adalah menjadi satu pendirian tegas negara kita bahawa kita tidak akan kendur-kendur dari terus mengingati hari kelahiran Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam biar pun ada yang tidak bersetuju untuk mengadakannya. Janganlah kita mudah terpengaruh dengan pendapat-pendapat lemah dari luar, biarlah kita dengan cara kita sendiri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1437 Hijrah / 2015 Masihi pada Rabu, 12 Rabiulawal 1437H bersamaan 23 Disember 2015M telah menegaskan bahawa kalau ada pendapat yang tidak bersetuju kita memperingati hari keputeraan Nabi dan lain-lain hari kebesaran Islam, seperti menyambut Awal Tahun Hijrah, adalah itu pendapat yang 'lemah'.

"Beta terus mengingatkan, supaya jangan berhenti dari melakukan amalan tradisi memperingati hari-hari kebesaran Islam, biarpun orang lain tidak melakukannya. Kita melakukan ini adalah sebagai usaha untuk memperkaya semangat kita sendiri dalam menjulang Islam di mata dunia, di samping mengambil manfaat daripadanya."



BEGINILAH lazimnya setiap tahun penyertaan daripada orang ramai semasa Perhimpunan dan Perarakan Maulidur Rasul.

# Rombongan PBPPPM Malaysia diraikan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 10 Disember. - Rombongan Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia (PBPPPM), Daerah Cawangan Kota Bharu, Kelantan yang mengadakan lawatan Muhibah dan Silaturahim ke Negara Brunei Darussalam diraikan dengan Majlis Makan Tengah Hari oleh Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.



PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar (depan, lima dari kiri) bergambar ramai bersama rombongan Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia (PBPPPM), Daerah Cawangan Kota Bharu, Kelantan sejurus meraikan rombongan tersebut pada Majlis Makan Tengah Hari di Tarindak d'Seni Restaurant, Jalan Subok.

Majlis diadakan di Tarindak d'Seni Restaurant, Jalan Subok.

Pada sebelah pagi rombongan mengadakan lawatan ke Sekolah Menengah Rimba II, Kampung Perpindahan Rimba. Dalam lawatan ini, rombongan telah dialu-alukan oleh Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Dayang Nadia Lee Siew Hoon bin Abdullah. Sesi lawatan diisi dengan taklimat Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN 21) yang disampaikan oleh Ketua Unit SPN21, Kementerian Pendidikan, Pengiran Hajah Mashayu binti Pengiran Haji Yusof.

Rombongan juga turut mendengar taklimat mengenai Sekolah Menengah Rimba II dan Pembelajaran Abad Ke-21 yang disampaikan oleh oleh Pemangku Pengetua Sekolah Menengah Rimba II dan mengadakan lawatan ke Blok Amalan dan Inovasi Bagi Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21 (Learning Space).

Rombongan PBPPPM, Daerah Cawangan Kota Bharu, Kelantan ini mengadakan lawatan Muhibah dan Silaturahim ke Wilayah Persekutuan Labuan dan Negara Brunei Darussalam pada 7 hingga 11 Disember 2016. Rombongan seramai 13 orang ini diketuai oleh Haji Zainal bin Othman.

Rombongan tiba di Negara Brunei Darussalam pada 9 Disember 2016 dan berada di negara ini sehingga 11 Disember 2016. Semasa berada di Negara Brunei Darussalam, rombongan mengadakan kunjungan hormat ke Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, lawatan ke Kementerian Pendidikan, kunjungan ke Persatuan Guru-Guru Melayu (PGGMB) Negara Brunei Darussalam dan ke beberapa buah tempat bersejarah.

Antara tujuan lawatan rombongan ke Kementerian Pendidikan ialah bagi mengetahui perkembangan pendidikan di Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh; Pemangku Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Profesor Madya Dr. Haji Azman bin Haji Ahmad; Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Dayang Nadia Lee Siew Hoon binti Abdullah dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan.

# Lelaki Filipina terima hidayah

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**MADANG**, Ahad, 11 Disember. - Bulan kelahiran Junjungan Agung Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diserikan lagi dengan Majlis Pengislaman seorang lelaki warganegara Filipina.

Majlis pengislaman bagi Arnel Alvarus Maraot, 41 tahun berlangsung di kediaman Awang Haji Mahari bin Haji Md. Said di Kampung Manggis Satu, Jalan Madang dan dikendalikan oleh pegawai-pegawai dari Unit Pengislaman, Bahagian Pengembangan Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

"Saya rasa bersyukur," itulah kata-kata yang diluahkan oleh saudara baharu, Arnel Alvarus Maraot yang memilih nama Islamnya sebagai Awang Muhamad Faiz Farhan bin Abdullah.

Beliau yang bertugas di negara ini selama empat tahun sebagai pemandu jentera berat di Syarikat Megalift Sendirian Berhad, turut menyatakan keinginan untuk memeluk agama Islam telah terpahat di hati beliau sejak mula bertugas di Arab Saudi lagi.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Dato Paduka Awang Haji Abdul Saman bin Kahar. Hadir sama ialah Ketua Kampung Manggis, Mejar (B) Pengiran Haji Idros bin Pengiran Haji Mahmod.

Majlis turut diserikan dengan dikir marhaban yang dipersembahkan oleh Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung Manggis.

Menurut Unit Pengislaman, PDI sehingga bulan November 2016 telah mencatatkan seramai 443 orang saudara-saudara baharu memeluk agama Islam di negara ini.



MAJLIS pengislaman bagi Awang Arnel Alvaruz Maraot dikendalikan oleh pegawai-pegawai Unit Pengislaman, Bahagian Pengembangan Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

# Baca selawat bagi raih syafaat

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 10 Disember. - Menanamkan rasa kasih dan cinta kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta memohon ganjaran syafaat bagi orang-orang yang berselawat ke atas Baginda adalah amalan mulia dalam pembentukan jati diri individu Muslim.

Seluruh masjid, balai ibadat dan surau di negara ini terus bergema dengan pujian dikir dan selawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari pelbagai pihak serta agensi yang turut disertai oleh para belia.

Pelita Brunei sempat menemu ramah beberapa belia yang mengikuti Dikir Maulud selama 12 malam berturut-turut sempena memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Masjid Kampung Mentiri, di sini.

Ketika ditemu bual, Awang Radzi bin Lani, berusia 26 tahun, merupakan belia masjid kampung tersebut melahirkan rasa gembira kerana berkesempatan mengikuti majlis dikir 12 malam berturut-turut.



AWANG Abdul Firdaus bin Mat Salleh.



AWANG Radzi bin Lani.

Jelas belia yang tinggal di Pangkalan Sibabau, Kampung Mentiri berkenaan, majlis dikir tersebut merupakan peluang bagi beliau serta rakan-rakan untuk merapatkan diri kepada Allah dan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, selain untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim bersama para penduduk kampung.

Awang Abdul Firdaus bin Mat Salleh yang merupakan penduduk RPN Kampung Mentiri juga turut mempersetujui perkara tersebut.

"Alhamdulillah, saya berasa amat gembira kerana hampir setiap malam saya bersama kawan-kawan berkesempatan untuk mengikuti majlis dikir tersebut," ujarnya.

Awang Muhd. Fathurrahman Nizam bin Jaya juga turut mengongsikan pengalaman beliau sepanjang mengikuti majlis dikir tersebut.

Terangnya, majlis dikir tersebut biasanya turut disertai oleh pelbagai pihak seperti persatuan dikir dan ia termasuk juga rombongan dari pihak kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan bagi mengimarahkan masjid.

Majlis diadakan sebagai salah satu syiar Islam untuk memakmurkan masjid, selain mengingati Hari Kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim sesama penduduk kampung.

# Penutupan Dewan Pameran dan Galeri Muzium-Muzium sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad

Siaran Akhbar : Jabatan Muzium-Muzium

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 Disember. - Jabatan Muzium-Muzium ingin memaklumkan bahawa dewan-dewan pameran dan Galeri Jabatan Muzium-Muzium akan ditutup satu hari pada Isnin, 12 Rabiulawal 1438 Hijrah bersamaan 12 Disember 2016 sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Muzium-muzium yang dimaksudkan ialah Muzium Teknologi Melayu; Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja; Taman Warisan Tasek Merimbun; Galeri Seni; Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan; Muzium Maritim; Galeri Sukan; Stadium Negara Hassanal Bolkiah; Pusat Informasi Taman Arkeologi Kota Batu dan Muzium Daerah Belait, Jalan Maulana, Kuala Belait.

Muzium-muzium dan galeri akan dibukakan untuk kunjungan pelawat seperti biasa selepas penutupan dan waktu lawatan adalah seperti lazim, iaitu Ahad hingga Khamis (9.00 pagi hingga 5.00 petang), manakala Jumaat (9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 petang hingga 5.00 petang).

Manakala Muzium Brunei dan Bubungan Dua Belas masih tutup untuk kunjungan orang ramai.

# Patuhi undang-undang, peraturan jalan raya

*"KADAR kemalangan jalan raya di negara ini berada pada tahap yang membimbangkan, yang mana mengikut statistik bilangan kemalangan di seluruh negara dari bulan Januari hingga November tahun ini adalah sebanyak 3,158 kemalangan."*

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**



PEMANGKU Ketua Bahagian Operasi dan Penguatkuasaan JSKLL, Timbalan Penguasa Polis, DSP Mohd. Fathdillah bin Haji Abdul Hamid.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 10 Disember. - Para pengguna jalan raya diingatkan agar sentiasa melakukan pemeriksaan terhadap kenderaan yang digunakan untuk memastikan kenderaan tersebut selamat untuk dipandu dan sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya seperti mengikut arahan papan-papan tanda keselamatan di tepi jalan.

Selaku pengguna jalan raya, kita juga mestilah sentiasa fokus dan berwaspada semasa memandu kenderaan dan sentiasa menggunakan tali pinggang keselamatan semasa memandu.

Demikianlah antara saranan yang ditegaskan oleh Pemangku Ketua Bahagian Operasi dan Penguatkuasaan Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL), Timbalan Penguasa Polis, DSP Mohd. Fathdillah bin Haji Abdul Hamid ketika ditemui oleh Pelita Brunei di Pejabat JSKLL, di sini.

"Para pengguna jalan raya terutama sekali para pemandu hendaklah peka dan berawas terhadap perubahan sekeliling, seperti hujan dan jalan licin serta sentiasa mengamalkan sikap bertolak-ansur kepada para pengguna jalan raya yang lain, apatah lagi di musim cuti persekolahan ini yang pastinya para ibu bapa keluar membawa anak mereka berjalan-jalan dan bersiar-siar," ujarnya.

DSP Mohd. Fathdillah juga menyarankan, agar mengubah sikap untuk memperlahankan kelajuan kenderaan (*excessive speeding*) dan tidak sama sekali menggunakan telefon bimbit semasa memandu serta membuat panggilan atau membuat Pesanan Ringkas (SMS).

Selain itu tambahnya, para pengguna jalan raya mestilah sama-sama bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan sendiri dan para pengguna jalan raya yang lain, mengatur masa yang bijak untuk tidak tergesa-gesa semasa memandu dan sentiasa bersabar serta bertawakal juga berdoa sebelum memulakan perjalanan.

Menyentuh kadar kemalangan jalan raya di negara ini, beliau menegaskan ia berada pada tahap yang membimbangkan meskipun jumlah kemalangan jalan raya yang dilaporkan tidaklah setinggi di negara-negara membangun, yang mana mengikut statistik bilangan kemalangan di seluruh negara dari bulan Januari hingga November tahun ini adalah sebanyak 3,158 kemalangan.

Sehubungan itu tekannya, JSKLL akan terus mengadakan operasi mereka terutama pada hujung tahun ini dalam usaha meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai keselamatan di jalan raya dan seterusnya berusaha bagi mengurangkan kadar kemalangan di negara ini serta mengingatkan terutama golongan remaja supaya memandu dengan lebih cermat dan berhemah, hormat-menghormati serta bertawakal.

Operasi bertujuan untuk meningkatkan kewaspadaan para pemandu terhadap keselamatan jalan raya, di samping mematuhi akta dan peraturan lalu lintas Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, operasi tersebut juga dijalankan untuk menyekat dan menghalang pergerakan penjenayah-penjenayah untuk menggunakan jalan raya.

NAMA KERTAS : Art Paper - Matt
TEBAL : 128 - 130 gsm
UKURAN : 635 mm X 902 mm
KUANTITI : 4,000 pkts

**ITEM 2**
NAMA KERTAS : Art Paper - Gloss
TEBAL : 128 - 130 gsm
UKURAN : 635 mm X 902 mm
KUANTITI : 4,000 pkts

**TARIKH TUTUP :**
**20 DISEMBER 2016, 2.00 PETANG**

**Syarat-Syarat Tawaran**

1. TAWARAN adalah dibukakan kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Harga tawaran hendaklah termasuk kos penghantaran menggunakan kontena dan pemunggahan ke dalam Stor Jabatan Percetakan Kerajaan.

3. Tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang tertutup rapi dengan menyatakan bilangan tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa mendedahkan butir-butir mengenai syarikat. Tawaran hendaklah dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil**
**Jabatan Perdana Menteri**
**Level 1**
**Bangunan Jabatan Perdana Menteri**
**Jalan Perdana Menteri**
**Bandar Seri Begawan**
**Negara Brunei Darussalam.**

4. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.

5. Semua tawaran hendaklah disertakan dengan contoh kertas yang dikehendaki.

6. Borang tawaran dan maklumat lanjut boleh didapati di Bay 1, Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, Kauter 1, Jabatan Percetakan Kerajaan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam pada :

**Isnin** hingga **Khamis** dan **Sabtu**
**8.00 Pagi** hingga **11.00 Pagi**
**1.30 Petang** hingga **3.00 Petang**

7. Untuk keterangan lanjut mengenai perkara ini, pihak Tuan bolehlah menghubungi Awang Mohamad Zamri Bin Omar @ Eugene, Penyelenggara Stor Tingkat Khas, ***zamri.omar@printing.gov.bn*** melalui talian +673 2382541.

8. Tawaran yang diisikan dengan tidak betul, tidak jelas dan tidak lengkap adalah dikira rosak dan ditolak.

9. Sebarang cukai atau penyewaan gudang dan lain-lain bayaran, jika ada, adalah ditanggung oleh pemohon.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran paling rendah dan berhak menolak tawaran yang tidak munasabah.

11. Pemohon yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan Lembaga Tawaran Negara.

## JABATAN KERJA RAYA
## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : PEMBEKAL YANG DILULUSKAN SAHAJA KATEGORI : (P02 SAHAJA) - (KOD BAHARU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA : 20 DISEMBER 2016 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP : 3 JANUARI 2017 (SELASA)**

**TIDAK LEWAT DARI JAM : 2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN : JKR/DWS/019/2016**

**NAMA PROJEK : MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 1,000 TON METRIK ALUMINIUM SULPHATE KE LOJI-LOJI RAWATAN AIR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI JANUARI 2017**

**YURAN TAWARAN : BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**YURAN E-DOKUMEN : -**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : PEMBEKAL YANG DILULUSKAN SAHAJA KATEGORI : (P02 SAHAJA) - (KOD BAHARU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA : 20 DISEMBER 2016 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP : 3 JANUARI 2017 (SELASA) TIDAK LEWAT DARI JAM : 2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN : JKR/DWS/020/2016**

**NAMA PROJEK : MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 1,020 TON METRIK HYDRATED LIME KE LOJI-LOJI RAWATAN AIR, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI JANUARI 2017**

**YURAN TAWARAN : BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**YURAN E-DOKUMEN : -**

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : II & III SAHAJA KATEGORI : (KA01 & M03 SAHAJA) - (KOD BAHARU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA : 20 DISEMBER 2016 (SELASA)**

**TARIKH TUTUP : 3 JANUARI 2017 (SELASA)**

**TIDAK LEWAT DARI JAM : 2.00 PETANG**

**BILANGAN TAWARAN : JKR/DWS/022/2016**

**NAMA PROJEK : KONTRAK SATU (1) TAHUN BAGI KERJA-KERJA PEMELIHARAAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL BAGI STAGE 4, 5, 6 & 7 LOJI RAWATAN AIR BUKIT BARUN**

**YURAN TAWARAN : BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**YURAN E-DOKUMEN : -**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.**

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...") bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.

# Brunei tawarkan pelbagai tempat menarik,tarik pelancong

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 Disember. - Negara Brunei Darussalam terkenal dengan salah sebuah negara terkecil di ASEAN, namun negara ini mempunyai potensi yang besar bagi menjana pelaburan dan mengukuhkan lagi ekonomi negara melalui hasil dari sektor pelancongannya, dengan mempunyai banyak tempat-tempat yang menarik dan berpotensi bagi tarikan para pelancong sama ada dari dalam mahu pun luar negara.

Di Daerah Brunei Muara sahaja, antara tempat-tempat menarik yang sering menjadi tarikan para pelancong yang senang dan mudah untuk dikunjungi di sekitar kawasan ibu kota adalah seperti Istana Nurul Iman, Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja Brunei, masjid-masjid, iaitu Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOAS) dan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, serta Muzium Teknologi Brunei yang mempamerkan sejarah, tradisi, masyarakat, barangan antik dan peninggalan Brunei yang mungkin belum pernah diketahui serta Muzium Maritim Brunei yang mempamerkan mengenai kapal karam dan segala peralatan yang pernah ditemui di lautan Brunei.

Para pelancong yang berkunjung ke negara ini juga tidak ketinggalan mengambil peluang untuk melawat dan menyelusuri Sungai Brunei dan Kampong Ayer bagi menikmati keindahannya juga pulau-pulau di sekitarnya, di mana para pengunjung beruntung akan dapat menyaksikan sendiri secara langsung habitat dan tingkah laku Proboscis Monkey (Bangkatan), dan di samping itu berpeluang untuk menikmati pelbagai juadah makanan tempatan yang boleh didapati di salah sebuah gerai malam yang terkenal di negara ini, iaitu Pasar Malam Gadong.

Di sana, para pengunjung berpeluang untuk menyaksikan cara pembuatan atau menikmati makanan tempatan seperti kuih-muih tradisional seperti rinjis, putu-mayang, penyaram, bahulu, kuih sagu, kuih cincin, takis dan sebagainya serta pelbagai jenis cokodok yang dipanggil sebagai 'cucur' di negara ini seperti cucur pisang madu, cucur tibadak, cucur ubi manis, cucur ubi belayar dan bermacam lagi.

Pasar Malam Gadong juga menyajikan pelbagai juadah masakan tempatan yang antaranya sering menjadi kesukaan para pengunjung ialah 'Nasi Katok', yang mana rata-rata pelbagai jenis juadah ini dijual dengan harga yang sangat murah dan berpatutan serta dijamin kebersihan dan kehalalan makanan berkenaan.

Sementara di Daerah Tutong juga sememangnya berpotensi untuk dijadikan sebagai Daerah Destinasi berdasarkan daerah ini mempunyai lebih 30 tempat menarik dan berupaya menghasilkan lebih 50 produk Satu Kampung Satu Produk (1K1P), yang mana menerusi Program Destinasi Tutong (PDT) menawarkan pelbagai jenis perkhidmatan penyediaan yang diperlukan seperti menyediakan tempat-tempat lawatan, menyediakan persembahan kesenian dan kebudayaan, perkhidmatan penyediaan makanan serta tempat penginapan para pelancong dan pelawat melalui Inap Desa (Homestay).

Perkara ini kerana, Daerah Tutong, seperti daerah-daerah yang lain, juga mempunyai beberapa tempat menarik yang dikenali sebagai tempat industri pelancongan seperti Tasek Merimbun terletak di Ulu Tutong, Pantai Seri Kenangan di Kuala Tutong, Taman Rekreasi Sungai Basong di Bukit Bendera dan beberapa kawasan baharu yang sedang dikembangmajukan seperti Wasai Batu Mapan di Kampung Padnunok, Kampung Kiudang dan lain-lain tempat lagi.

Bagi orang ramai yang ingin melihat atau membeli produk-produk hasil dari penduduk dari Daerah Tutong, mereka boleh berkunjung ke Kompleks Tamu dan Pasarneka Serembangun yang terletak berhampiran dengan Pekan Tutong. Pasarneka ini menjual pelbagai jenis produk termasuk buah-buahan dan sayur-sayuran segar, bunga-bungaan, binatang peliharaan, makanan dan minuman serta kraf-kraf tangan yang menawarkan harga yang berpatutan.

Manakala di Daerah Belait, sering dikenali dengan wasai-wasainya yang sering menjadi tumpuan dan tarikan para pelancong antaranya di Kawasan Mukim Labi terutama Kampung Teraja mempunyai keindahan alam semula jadi yang dihiasi dengan flora dan fauna serta kawasan hutan yang terpelihara dan kini telah diiktiraf sebagai kawasan Nadi Borneo, iaitu Wasai Teraja dan Wasai Beluluk.

Kawasan di Wasai Teraja meski pun tidak berapa besar tetapi sangat indah dengan air terjun yang begitu deras dan sentuhan airnya yang sejuk serta dihiasi dengan berbagai jenis anggerek hutan yang tumbuh di kawasan sekitarnya, sementara Wasai Beluluk merupakan antara tempat yang menarik dengan air terjun yang tinggi namun untuk sampai ke wasai tersebut menempuh perjalanan yang sukar kerana di sekelilingnya ditumbuhi dengan hutan tebal dan batang-batang pohon besar yang tumbang dan kadang-kadangnya terbiar tidak terurus.

Sementara itu, kini Daerah Temburong pula telah mula menjadi tumpuan para pengunjung sama ada dari dalam mahupun luar negara melalui pakej percutian ke daerah berkenaan yang menawarkan pelbagai pilihan tempat-tempat tinggal menarik seperti bermalam di resort yang mewah, detik-detik menarik di rumah persinggahan hutan hujan yang mencabar bagi keluarga atau menikmati pengalaman perkhemahan yang menyeronokkan bersama rakan-rakan di sepanjang tebing Sungai Temburong.

Percutian di Daerah Temburong ini juga dimeriahkan lagi dengan tawaran lapan jenis pakej percutian Temburong tiga hari dua malam yang unik dan menarik, yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan di Temburong, iaitu Ulu-ulu Resort, Freme Rainforest Lodge, Trandie Marina Resort, Sumbiling Eco Village, Borneo Trekker dan AZ Back to Nature yang terdiri dari pakej-pakej premium, keluarga, pakej budaya dan pengembaraan dengan menawarkan harga menarik kepada para pelancong.

Pelancong yang membeli pakej-pakej berkenaan juga akan dapat memilih makanan tempatan yang halal, unik dan lazat, di samping menikmati pemandangan dan bunyi-bunyi di hutan hujan tropika yang asli juga termasuk pilihan aktiviti kembara yang disediakan serta aktiviti-aktiviti seni kebudayaan seperti lawatan ke rumah panjang tradisional dan mengalami cara hidup sebenar budaya masyarakat Iban.

Antaranya, Sumbiling Eco Village (SEV) yang telah diasaskan oleh Encik Leslie Chiang, perintis dalam pelancongan berasaskan komuniti melalui Syarikat Borneoguide memberikan tumpuan pada projek eko-pelancongan yang berkhidmat untuk menggalakkan kesedaran dan memupuk kemampanan sama ada melalui alam semula jadi, sosial, budaya dan ekonomi.

Melalui projek SEV ini juga telah menyediakan ruang dan peluang bagi penduduk tempatan untuk menjana pendapatan, sambil membawa nilai baharu pada pemuliharaan alam sekitar dan selain turut menyediakan mereka peluang pekerjaan antaranya sebagai jurupandu bagi aktiviti *trekking*, tukang perahu, dan *craftswomen.*

Syarikat ini juga menawarkan pelbagai jenis pakej penginapan seperti *glamping* khemah (perkhemahan mewah) dan *chalet* dengan bilik keluarga, bilik berkembar dan bilik khas serta tempat untuk solat, juga termasuk kemudahan lain seperti dapur (di rumah tetamu sahaja), ruang makan umum yang boleh menampung sehingga 120 orang, rumah pokok yang boleh memuatkan 2 - 3 orang, dua bot jeti, 'akrobat' atau pondok dengan buaian untuk tetamu berehat, tandas biasa dan pancuran untuk lelaki dan wanita, aktiviti jejak herba perubatan, jejak hutan (*jungle tracking*) dan ladang organik.

Juga ditawarkan pakej Sumbiling Cultural Package (Overnight) Rainforest Discovery Trek; Fun in Temburong (Daytrip) yang mengadakan lawatan ke Tugu Peringatan, Galeri Warisan dan Kebudayaan; Tamu Bangar serta melakukan aktiviti-aktiviti tempatan seperti tarian kebudayaan, tenunan, permainan tempatan yang diajar oleh penduduk setempat di Kampung Senukoh.

SEV telah menerima beberapa anugerah dan pengiktirafan antarabangsa iaitu dianugerahkan sebagai asrama terbaik di Brunei oleh 'Hostelworld'; disenaraikan dalam 'Lonely Planet Guidebook' sebagai rumah persinggahan terbaik di Brunei; dijemput dan dipilih oleh yayasan Air Asia untuk menghadiri Persidangan ASEAN mengenai Perusahaan Sosial telah mengiktiraf SEV sebagai salah satu perusahaan sosial yang terbaik di ASEAN dan dipilih oleh ASEAN KOREAN CENTER - AKC sebagai salah satu komuniti terbaik yang berasaskan pelancongan melalui program CBT di ASEAN.



SEBAHAGIAN pelancong menaiki bot untuk menyaksikan lebih dekat Kampong Ayer.

# Makanan tradisi Brunei masih jadi pilihan

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 Disember. - Keenakan dan keunikan makanan tradisi Brunei masih lagi mendapat tempat dalam pelbagai lapisan masyarakat tempatan mahu pun luar negara tanpa mengira peringkat umur.

Justeru, kemahiran membuat makanan tradisi ini perlulah diperkenalkan dan diwarisi kepada generasi muda agar ia tidak tenggelam di arus kemodenan.

Makanan-makanan tradisi Brunei termasuk kelupis, wajid, pinyaram, bahulu, panganan cincin, madu kesirat, sapit dan seri rupa yang dikomersialkan dan dipromosi oleh generasi muda, bukan sahaja membantu meningkatkan ekonomi negara, malahan membantu mengekalkan makanan warisan turun-temurun agar tetap terjaga dan terpelihara.



ANTARA makanan kering tradisional yang dijual seperti kuih jala belipat, kuih bahulu dan kuih cincin.

Pembuatan yang sempurna dari segi rasa dan tekstur bukan mudah untuk dipelajari, tetapi dengan kesabaran serta rajin bertanya kepada orang-orang yang telah lama berkecimpung dalam pembuatan makanan tradisi ini pastinya akan memberikan hasil yang memuaskan.

Salah seorang pengusaha makanan tradisi Brunei di Tamu Kianggeh, Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim berkata, kesemua makanan tradisi yang dijual oleh beliau dibuat sendiri oleh anaknya.

"Walaupun pada masa ini terdapat pelbagai jenis makanan segera, orang ramai masih menggemari dan mencari makanan asli Brunei," katanya kepada Pelita Brunei.

Menurutnya, makanan tradisi bukan sahaja menjadi pilihan anak-anak muda, malahan ramai pelancong-pelancong dari luar negara yang mengunjungi gerai beliau bagi mencuba keunikan rasa makanan tradisi, termasuk kelupis berintikan udang dan daging; calak bingka dan tapai.



DAYANG Hajah Hasnah binti Ibrahim.



DAYANG Hajah Damit binti Sidek.

Makanan tradisi yang beliau pamerkan juga laku dan hampir habis terjual ketika tinjauan Pelita Brunei ke gerai beliau.

Selain menjalani perniagaan makanan tradisi di gerai Tamu Kianggeh, Dayang Hajah Hasnah juga melibatkan diri dengan berjaja di kawasan letak kereta, Stadium Negara Hassanal Bolkiah semasa bulan Ramadan.

Sementara itu, Dayang Hajah Damit binti Sidek, ketika ditemui berkata, sebelum ini beliau juga mempunyai kemahiran dalam membuat makanan tradisi Brunei seperti kelupis dan wajid, namun tidak lagi membuatnya atas faktor usia.

Menurutnya, ada antara golongan muda yang belum pernah merasa makanan tradisi Brunei, tetapi terus menyukainya selepas mencuba buat kali pertama.

# Kompleks Tamu Kianggeh lebih selesa, tarik ramai pengunjung



AWANG Haji Azhari bin Gemok dari Kampung Lambak Kanan, salah seorang penjual barangan antik di Tamu Kianggeh.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 10 Disember. - Dalam usaha untuk meningkatkan iklim perniagaan yang lebih mesra di Tamu Kianggeh, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan telah membina Kompleks Tamu Kianggeh baharu yang mula beroperasi pada 1 Jun lalu.

Kompleks Tamu Kianggeh yang baharu tersebut terletak di tepi Sungai Kianggeh berhadapan dengan Jalan Kianggeh dan berkeluasan 4,450 meter persegi.

Kompleks baharu tersebut mempunyai lima blok bangunan yang menyediakan sebanyak 147 bangku bagi menempatkan peniaga dan penjaja menggunakan petak kekal secara harian sementara tiga blok bangunan menyediakan 164 bangku untuk penjaja setiap Jumaat dan Ahad.

Awang Haji Azhari bin Gemok dari Kampung Lambak Kanan, seorang peniaga barang-barang dan mata wang lama di Kompleks Tamu Kianggeh pada setiap Jumaat dan Ahad, ketika ditemu bual Pelita Brunei, melahirkan rasa syukur ke atas keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan kerana menyediakan tempat yang lebih selesa dan selamat.

"Alhamdulillah, saya cukup berpuas hati dengan keadaan tamu yang baharu ini kerana semua kemudahan telah cukup disediakan seperti tempat ibadat, tandas awam yang bersih dan lain-lain," jelas pesara dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan itu.

Sementara itu, seorang peniaga harian Dayang Koon Chai Hong dari Kampung Berangan, juga turut menyuarakan rasa syukur ke atas Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan terbinanya Kompleks baharu tersebut.

Beliau turut berpuas hati dengan kebersihan di tempat jajaan tersebut, dengan tersedianya para pekerja pembersih di kompleks berkenaan, di mana keadaan sihat dan bersih tersebut akan menarik lebih ramai pelanggan serta pengunjung.

Katanya, dengan ada sewa yang murah dan berpatutan dapatlah semua peniaga merasa senang dan berharap agar barang-barang akan dijual dapat sambutan daripada orang ramai.

Pelita Brunei turut menemu bual salah seorang lagi peniaga Kompleks Tamu Kianggeh, Awang Jamil bin Haji Tamin, yang melahirkan rasa gembira dengan pembinaan baru Kompleks Tamu Kianggeh yang cantik dan memuaskan.

"Syukur Alhamdulillah, keadaan kompleks ini sangat bersih dan teratur, semua bangku-bangku dan tempat berdagang serta tandas juga disediakan bagi kegunaan orang awam.

"Selain itu kawasan tempat duduk juga disediakan untuk orang ramai dan memudahkan beristirehat ketika lelah, malahan rata-rata orang ramai mengatakan keadaan baharu Tamu Kianggeh ini sangat baik dan memuaskan," tambahnya lagi.

Menurutnya, suasana yang lebih ceria lagi setiap Ahad kerana orang ramai yang telah mengikuti Bandarku Ceria terus berkunjung membeli dan melihat suasana seperti barang-barang yang unik serta barang makanan tradisi Brunei.

*"KOMPLEKS baharu tersebut mempunyai lima blok bangunan yang menyediakan sebanyak 147 bangku bagi menempatkan peniaga dan penjaja menggunakan petak kekal secara harian sementara tiga blok bangunan menyediakan 164 bangku untuk penjaja setiap Jumaat dan Ahad."*



SALAH seorang pengunjung datang membeli bahan-bahan kering seperti udang dan pusu kering di ruang niaga Awang Jamil bin Haji Tamin (kiri).



DAYANG Koon Chai Hong dari Kampung Berangan telah sekian lama berniaga beraneka jenis sayuran di Tamu Kianggeh.

## Tingkatkan keselamatan semasa musim cuti persekolahan

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 Disember. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) ingin mengingatkan orang ramai bersempena dengan Musim Cuti Persekolahan Penggal Ketiga Tahun 2016 yang bermula pada 1 hingga 31 Disember 2016 ini, supaya sentiasa berwaspada dan mengambil langkah langkah keselamatan yang bersesuaian.

Orang awam dinasihatkan, supaya lebih berjaga-jaga dan meningkatkan lagi langkah-langkah keselamatan terutama sekali semasa hendak meninggalkan rumah. Penghulu dan ketua kampung di kampung berkenaan hendaklah dimaklumkan bagi sama-sama memata-matai dan mengelakkan kejadian pecah rumah berlaku di rumah yang tidak berpenghuni.

Pagar, pintu dan jendela rumah hendaklah sentiasa dipastikan tertutup dan berkunci dengan kunci yang kukuh. Jangan membiarkan barang-barang berharga ditinggalkan di luar kawasan rumah yang boleh menjadi daya tarikan kepada penjenayah. Segala wang, barang-barang kemas dan barang-barang bernilai hendaklah disimpan di tempat-tempat yang difikirkan selamat serta tidak mudah diketahui.

Bagi mereka yang berhasrat hendak keluar negara adalah dinasihatkan supaya memaklumkan kepada keluarga terdekat atau jiran yang berhampiran untuk memata-matai rumah dan sekitar kawasan luar rumah. Lampu di luar rumah seboleh-bolehnya hendaklah dinyalakan pada waktu malam terutama sekali di tempat-tempat yang senang dilihat.

Ibu bapa dan penjaga kanak-kanak dinasihatkan, supaya sentiasa memantau pergerakan anak-anak mereka dan jangan membiarkan anak-anak mereka balik lewat malam dan memastikan mereka tidak berkumpul di kawasan-kawasan awam atau lepak sepanjang malam serta terlibat dengan aktiviti jenayah dan aktiviti sosial yang tidak sihat.

Aktiviti kanak-kanak hendaklah sentiasa diambil perhatian yang tegas dan diikuti dari semasa ke semasa terutama bagi mereka yang selalu melayari internet kerana dikhuatiri akan melayari laman-laman sesawang yang berunsur negatif yang akan melibatkan mereka pada aktiviti kurang sihat dan masalah sosial.

Jika terdapat apa-apa juga perkara yang dilihat mencurigakan, orang ramai diseru untuk memaklumkan dengan segera kepada pihak PDB atau pihak-pihak berkenaan seperti penghulu atau ketua kampung, yang mana tindakan seterusnya dapat ditangani oleh pihak berkenaan.

Hendaklah memastikan enjin kereta dimatikan dan dikunci semasa meninggalkan kereta untuk seketika atau untuk ke kedai bagi mengelakkan kereta dicuri.

PDB menggesa kepada orang ramai supaya akan melaporkan dengan segera kepada talian kecemasan 993 atau menghubungi balai-balai polis yang berdekatan jika terjadinya perbuatan jenayah. Maklumat yang diberikan akan membantu pihak polis dalam menangani jenayah yang mungkin akan berlaku terhadap keluarga mereka, jiran dan orang lain.

# Budayakan amalan membaca

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 10 Disember. - Amalan membaca bahan-bahan bacaan yang bermanfaat merupakan satu amalan yang mulia lagi dituntut. Dengan membaca dapat menambahkan lagi ilmu pengetahuan dan antara kaedah dalam membentuk masyarakat yang berilmu serta bermaklumat.

Dalam hal ini, para ibu bapa dan penjaga perlu meningkatkan usaha dalam melahirkan ahli keluarga serta masyarakat yang berilmu dengan menyemai minat membaca seawal usia kanak-kanak lagi.

Antara usaha-usaha yang boleh diambil bagi memupuk minat membaca termasuklah dengan berkunjung ke perpustakaan-perpustakaan yang terdapat di negara ini.

Kunjungan ke perpustakaan membolehkan anak-anak memilih dan membaca bahan bacaan yang digemari.

Terdapat banyak perpustakaan yang menyediakan bahan-bahan bacaan awam dan khusus, antaranya Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Perpustakaan Pusat Da'wah Islamiah, Perpustakaan Pejabat Peguam Negara, Perpustakaan Jabatan Muzium-Muzium, Perpustakaan Pusat Sejarah Brunei, Perpustakaan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Perpustakaan Jabatan Penerangan.

Di samping itu para ibu bapa dan penjaga turut digalakkan untuk membawa anak masing-masing berkunjung ke pesta-pesta buku yang juga merupakan aktiviti tahunan DBP. Pelbagai bahan bacaan dari dalam dan luar negara boleh diperoleh dengan tawaran harga yang berpatutan, di samping mengikuti pelbagai aktiviti berkaitan.

Dalam mewujudkan budaya membaca pada tahun 2014, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei melalui DBP, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah melabur sebanyak BND48,658.00 bagi mewujudkan sebuah perpustakaan yang dipanggil Mukim Buku yang pertama seumpamanya terletak di Mukim Gadong 'A'.

Seiring dengan perkembangan info komunikasi teknologi (ICT) bahan-bahan bacaan kini bukan sahaja dapat diperoleh dalam bentuk buku fizikal malah turut boleh diperoleh melalui bentuk *softcopy* mahupun aplikasi telefon bimbit seperti e-buku, e-majalah, e-suratkabar dan seumpamanya, yang mana boleh dimuat turun dari internet melalui laman sesawang organisasi penerbitan berkenaan.

Antara bahan bacaan yang boleh diperoleh dalam bentuk *softcopy* termasuklah akhbar rasmi kerajaan Pelita Brunei terbitan Jabatan Penerangan yang boleh dimuat turut menerusi laman sesawang rasminya *www.pelitabrunei.gov.bn*.

Bersesuaian dengan peribahasa Melayu kitani, 'Melentur buluh biarlah dari rebungnya', amalan suka membaca hendaklah dijadikan sebagai amalan sepanjang hayat seawal usia kanak-kanak lagi agar bangsa berilmu dan masyarakat bermaklumat dapat dilahirkan sesuai dengan hasrat dan hala tuju negara, iaitu Wawasan Brunei 2035.



PERPUSTAKAAN Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan terletak di Jalan Elizabeth Dua, Bandar Seri Begawan.



PESTA Buku yang diadakan di Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.



ANTARA bahan bacaan yang digemari remaja dan belia.

# Amalan menabung latih diri bersikap lebih jimat cermat

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 10 Disember. - Amalan menabung merupakan budaya yang perlu ditanamkan dalam diri setiap individu terutama daripada peringkat awal lagi, iaitu sedari kanak-kanak.

Menabung tidak hanya dilakukan dengan menyimpan wang di dalam tabung, tetapi menabung juga boleh dilakukan di dalam bank, yang mana ini terpulang kepada setiap individu untuk memilih inisiatif sendiri untuk menabung.

Ia juga dapat melatih diri kita untuk bersikap lebih jimat cermat dan bijak mengawal atau merancang perbelanjaan, di samping sebagai persediaan awal untuk keperluan di masa akan datang.

Wang yang disimpan boleh digunakan sebagai kegunaan kewangan jika diperlukan dan apa lagi semasa kecemasan dalam situasi yang tidak dijangkakan, di mana ia juga mengelakkan kita dari berhutang.

Ketika berkunjung ke salah sebuah bank di pusat membeli belah Airport Mall, di sini, Pelita Brunei sempat membuat pendekatan bersama Dayangku Mariani binti Pengiran Haji Tajuddin, 50 tahun yang berpendapat sikap menabung ini sangat penting dan ia mestilah dipupuk sejak usia muda lagi.

Menurutnya, amalan ini juga dapat mengawal tabiat berbelanja berlebihan, apa yang penting, amalan menabung itu mendidik kita supaya sentiasa berjimat cermat dan mengelakkan pembaziran.

"Walaupun tidak menabung dengan jumlah kewangan yang banyak, tetapi menyimpan wang sedikit demi sedikit, lama-lama menjadi bukit," ujarnya.

Beliau menambah, ibu bapa / penjaga memainkan peranan penting untuk memupuk dan mengajar sikap menabung bagi anak-anak mereka sedari kecil lagi dan seharusnya mengawal serta memantau perbelanjaan anak-anak.

Menabung jelasnya lagi, juga adalah untuk kepentingan diri sendiri, terutama bagi anak-anak yang masih bersekolah sebagai persediaan masa depan terutama ketika ingin menyambung pengajian mereka nanti.

Sebagai ibu kepada anak-anak beliau, beliau sentiasa memberikan contoh agar sentiasa menanamkan sikap menabung kepada anak-anak supaya timbul minat mereka dan menjadi amalan hingga sudah dewasa nanti.

Bagi Awangku Mohammad Aniq Khuzairi bin Pengiran Mohammed Mokhtar, yang berasal dari Kampung Perpindahan Lambak Kanan pula menjelaskan, amalan menabung memang tidak asing lagi bagi dirinya.

Beliau menjelaskan, ibu bapa dan guru-gurulah yang mengajar dan menerapkan kepadanya amalan menabung sedarinya kecil lagi dan amalan ini harus diterapkan kepada generasi muda yang lain lebih-lebih lagi dalam kita menghadapi dunia yang penuh mencabar.

"Ibu bapa sentiasa mengawal dan membuat pemantauan terhadap perbelanjaan kami adik-beradik serta sentiasa memastikan kami berbelanja mengikut keperluan juga tidak menggalakkan kami membeli barang-barang yang tidak berfaedah," ujarnya.




DAYANGKU Mariani binti Pengiran Haji Tajuddin bersama anak-anak berpendapat, sikap menabung ini sangat penting dan ia mestilah dipupuk sejak usia muda lagi.

# Riadah Berbasikal untuk Kesihatan dapat sambutan

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Hamzah Mohidin**



PENGUASA Perubatan Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan, Dr. Justin Wong Yun Yaw antara yang menyertai 'Cycle 4 Health' atau 'Riadah Berbasikal untuk Kesihatan'.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 11 Disember. - Satu aktiviti berbasikal 'Cycle 4 Health' atau 'Riadah Berbasikal untuk Kesihatan' telah diadakan antara lain dihasratkan untuk dijadikan sebagai satu aktiviti bulanan bermula dari Disember 2016 ini.

Seramai lebih daripada 100 peserta mengikuti aktiviti Riadah Berbasikal untuk Kesihatan, yang mana peserta mempunyai pilihan untuk mengikuti dua laluan berbeza, iaitu laluan 'A' yang berjarak lebih kurang 99 kilometer (km), bertolak pada jam 6.30 pagi bermula dari kawasan letak kereta ILIA, Universiti Brunei Darussalam (UBD) menuju ke Sungai Basong, Tutong dan seterusnya menuju ke penghujung laluan, iaitu di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Sementara itu, bagi laluan 'B' pula berjarak lebih kurang 17 kilometer, yang mana peserta mengikuti laluan ini mula bergerak dari kawasan letak kereta ILIA, UBD pada jam 7.00 pagi dan menuju ke Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien dan kemudiannya akan memeriahkan lagi suasana acara Bandarku Ceria, Hari Tanpa Kereta di Bandar Seri Begawan.





AWANG Irwan bin Haji Ibrahim, 42 dari Kampung Sungai Akar (kiri) dan Awang Azza bin Zainal, 14 tahun, dari Kampung Jerudong (kanan) gembira menyertai 'Cycle 4 Health'.

Pelepasan laluan 'A' dan 'B' bagi Riadah Berbasikal untuk Kesihatan disempurnakan oleh Penguasa Perubatan Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan, Dr. Justin Wong Yun Yaw. Antara tujuan Riadah Berbasikal untuk Kesihatan adalah bagi menggalakkan amalan cara hidup sihat dalam kalangan orang awam dan memberikan peluang kepada orang ramai untuk bergiat aktif dalam aktiviti sukan bagi merealisasikan visi dan hasrat Kementerian Kesihatan 'Bersama Ke Arah Warga Sihat', di samping bersama-sama mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035 ke arah meningkatkan kuailti kehidupan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, salah seorang peserta, Awang Azza bin Zainal, 14 tahun, dari Kampung Jerudong berkata, aktiviti berbasikal ini merupakan hobi beliau.

Menurutnya, berbasikal merupakan antara cara terbaik untuk kekal sihat dan cergas.

"Berbasikal merupakan senaman yang ideal bagi masyarakat pada semua peringkat umur dan latar belakang. Berbasikal bukan hanya tertumpu pada bahagian kaki.

Berbasikal merupakan aktiviti kardio pernafasan yang menguatkan badan dan pada masa yang sama membolehkan pengamalnya bergembira dan bersosial," terang beliau.

Manakala bagi Awang Irwan bin Haji Ibrahim, 42 dari Kampung Sungai Akar berkata, beliau amat gembira mengetahui bahawa masyarakat di negara ini semakin peka dan rajin mengikuti pelbagai aktiviti yang giat dianjurkan oleh kementerian-kementerian dan persatuan bukan kerajaan di negara ini.

Berbasikal ujar beliau, secara keseluruhannya dapat meningkatkan kadar kecergasan seseorang, namun kelebihan berbasikal bagi jantung adalah lebih besar.

Dengan aktiviti riadah seperti ini katanya, akan dapat menghilangkan tekanan kerja di pejabat kerana ia dapat membantu merehatkan minda dan mata kita melalui pemandangan yang hijau dan menghirup udara yang segar.

# Cuti sekolah masa berkualiti bersama keluarga

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Azmah Haji Ahad**



DAYANG Edylina binti Haji Badar (dua, kiri) dari Kampung Kulapis bersama suami, anak buah dan adik perempuannya gembira dapat membawa keluarga pada musim cuti persekolahan berjalan-jalan serta bergembira ke tempat taman riadah.



KANAK-KANAK adalah yang paling gembira dapat berkumpul bersama keluarga dan kawan-kawan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 10 Disember. - Setiap penghujung tahun khasnya bulan Disember merupakan bulan yang ditunggu-tunggu oleh orang ramai terutama sekali mereka yang masih bersekolah tidak kira di peringkat rendah atau pun tinggi.

Ibu bapa perlulah bijak mengatur jadual dan masa untuk anak-anak agar mereka tidak terlibat dengan aktiviti yang kurang sihat seperti merayau-rayau tanpa tujuan bersama rakan sebaya.

Sudah tentu pelbagai aktiviti boleh dilakukan di sepanjang cuti sekolah misalnya bersantai dan beriadah bersama keluarga kerana pada musim cuti sekolah ibu bapa biasanya turut bercuti agar dapat meluangkan masa bersama keluarga yang tersayang.

Bersantai dan beriadah di negara sendiri sudah cukup untuk meluangkan masa bersama keluarga sekiranya bajet terhad dan tidak mencukupi untuk melancong tambahan pula dapat mengenali tempat-tempat yang menarik di negara sendiri.

Pelita Brunei telah menemu bual beberapa orang pengunjung taman rekreasi dan tempat beriadah di negara ini yang asyik bersama keluarga mereka bersiar-siar dan bersantai.

Dayang Edylina binti Haji Badar dari Kampung Kulapis ketika ditemui bersama suami, anak buah dan adik perempuannya menyatakan, mereka memang selalu berjalan-jalan ke tempat-tempat riadah seperti Taman Jubli, di sini.

"Saya dan suami biasanya akan berlari dan bersenam, manakala anak-anak buah saya akan bermain-main di taman permainan serta dijaga oleh adik saya. Musim cuti persekolahan ini adalah peluang untuk saya membawa anak-anak buah saya berjalan-jalan juga bergembira," ujarnya.



DAYANG Hajah Aisah binti Haji Osman... musim cuti adalah masa paling sesuai bersama cucu-cucu.



DAYANG Nabilah Lufti Inshira binti Abd. Samad... cuti sekolah hendaklah dimanfaatkan sebaiknya.

Dayang Nabilah Lutfi Inshira binti Abd. Samad dari Kampung Bengkurong - Masin pula berkata, beliau sering kali mengunjungi tempat-tempat seperti Taman Jubli dan Pantai Tungku untuk beriadah dan bersukan bersama keluarga.

"Bagi saya, cuti sekolah hendaklah dimanfaatkan sebaiknya. Cuti sekolah adalah masa yang terbaik untuk merehatkan minda dan melakukan aktiviti yang berfaedah seperti berkelah bersama keluarga," ujarnya.

Menurutnya, seorang individu hendaklah mencari aktiviti yang selamat untuk disertai dan aktiviti yang meningkatkan kemahiran sosial kerana dengan adanya kemahiran sosial, anak-anak lebih mudah serta selesa berinteraksi dengan rakan-rakannya juga orang dewasa.

Dayang Hajah Aisah binti Haji Osman dari Kampung Mulaut bersama anak perempuan dan empat orang cucunya ketika ditemui di Taman Permainan Stadium Negara Hassanal Bolkiah melahirkan rasa gembira kerana dapat meluangkan masa bersama keluarganya.

"Musim cuti adalah masa yang paling sesuai untuk saya bersama cucu-cucu yang tidak tinggal serumah kerana pada hari-hari biasa kami memang jarang berjumpa memandangkan mereka harus ke sekolah dan ibu bapa mereka sibuk bekerja," jelasnya.

Dengan adanya meluangkan masa bersama keluarga boleh mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan yang ada sekali gus mampu menguatkan lagi rasa kasih dan sayang di antara kedua ibu bapa juga anak-anak serta keluarga.

# Pasukan Viking juara BUO 2016



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof bergambar ramai bersama Kejohanan 'Bandar Ultimate Open (BUO) 2016' yang berlangsung di Kompleks Sukan Jerudong.

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Ihsan Media Permata**

**JERUDONG**, Ahad, 11 Disember. - Pasukan 'Vikings' dari Negara Brunei Darussalam, muncul juara keseluruhan pada Kejohanan 'Bandar Ultimate Open (BUO) 2016' yang berlangsung di Kompleks Sukan Jerudong, dari 9 hingga 11 Disember.

Naib juara disandang oleh pasukan 'Ultras' dari Kuching, Malaysia, manakala tempat ketiga dimenangi oleh pasukan 'TROOPERS' dari Negara Brunei Darussalam.

Hadir menyampaikan hadiah ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Kejohanan Ultimate (Frisbee) dua hari itu disertai oleh 12 buah pasukan terdiri daripada lapan pasukan tempatan dan empat pasukan dari luar negara termasuk Malaysia, Amerika Syarikat dan Singapura.

BUO dianjurkan bersama oleh Brunei Adventure Recreation Association (BARA) dan YPATERA Co itu merupakan kejohanan tahunan yang diadakan setiap penghujung tahun, mengumpulkan para peserta dari Brunei dan negara jiran untuk meraih pengalaman bermain Frisbee.

Sejak pertama kalinya dianjurkan di negara ini, kejohanan itu terus mendapat sambutan yang menggalakkan daripada peminat-peminat sukan Frisbee, di mana penyertaan pada kejohanan tersebut meningkat daripada hanya 119 peserta pada tahun 2010 menjadi lebih 400 peserta tahun ini.

# Atlet negara raih empat emas, dua perak

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 11 Disember. - Atlet negara telah menyumbangkan empat pingat emas dan dua pingat perak pada Kejohanan Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-9, Samarinda, Kalimantan Timur yang berlangsung pada 6 hingga 11 Disember.

Empat pingat emas diperoleh melalui olahraga masing-masing oleh Muhammad Noor Firdaus Ar-Rashid bin Haji Mohd Idris dalam acara 100 dan 200 Meter, Pencak Silat oleh trio, Nur Azimatunnaemah binti Simat, Qistnina Athirah binti Zainal dan Nur Wasiqah Aziemah binti Rosihan serta Sepak Takraw acara regu oleh Mohd. Aliffuddin bin Jamaluddin, Zaitie Hidayat bin Saidi, Mohd. Aiman bin Matahir juga Mohd. Nazirol Nizam bin A. Hamidun.

Manakala dua pingat perak disumbangkan dalam sukan olahraga melalui acara Lontar Peluru oleh Haji Muhd. Nur Zul Ismauddin bin Wan Zulaini dan Sepak Takraw bagi acara Ganda Lelaki, Mohd. Aliffuddin bin Jamaluddin, Zatie Hidayat bin Saidi serta Mohd. Nazirol Nizam bin A. Hamidun.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof hadir mengalu-alukan kepulangan kontinjen-kontinjen Negara Brunei Darussalam di Pangkalan Tentera Udara Diraja Brunei (PTUDB).

Yang Berhormat kemudiannya mengalungkan sesandang dan memberikan ucapan tahniah kepada para kontinjen.

Seramai 12 atlet menyertai kontinjen negara yang mengambil bahagian dalam empat acara sukan yang dipertandingkan, iaitu Olahraga, Pencak Silat, Karatedo dan Sepak Takraw dengan diketuai oleh Chef de Mission, Awang Haji Mohamad Rosfazillah bin Haji Yusly.

Para kontinjen negara buat julung-julung kalinya menggunakan pesawat CN 235, No. 15 Skuadron TUDB bagi penghantaran dan pengangkutan balik dari Samarinda, Kalimantan Timur.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan (kanan) hadir mengalu-alukan kepulangan kontinjen-kontinjen Negara Brunei Darussalam di Pangkalan Tentera Udara Diraja Brunei (PTUDB).




MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof bergambar kenangan bersama para kontinjen Negara Brunei Darusssalam yang menyertai Kejohanan Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-9, Samarinda, Kalimantan Timur.




BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

"BERWAWASAN YANG BERKAT DENGAN BERCONTOH KEPADA RASULULLAH SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM"

دتربيتكن اوله جاباتن ڤنراڠن، جاباتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جاباتن ڤرچيتقن كراجان، نڬارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.